



BAHASA MELAYU
简体中文
E N G L I S H


Panduan Pengguna
用户手册
User Guide

LG G *Tablet 8.0^{4G}*
LG-V490



Panduan Pengguna

- Paparan dan ilustrasi skrin mungkin berbeza daripada yang anda lihat pada peranti sebenar.
- Sesetengah kandungan panduan ini mungkin tidak berkaitan dengan peranti anda, bergantung kepada perisian dan pembekal perkhidmatan anda. Semua maklumat dalam dokumen ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis.
- Peranti ini tidak sesuai untuk orang yang mempunyai masalah visual disebabkan oleh papan kekunci skrin sentuh.
- Hak cipta ©2015 LG Electronics, Inc. Hak cipta terpelihara. LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar bagi Kumpulan LG dan entiti yang berkaitan dengannya. Semua tanda dagangan lain adalah hak milik pemiliknya masing-masing.
- Google™, Google Maps™, Gmail™, YouTube™, Hangouts™ dan Google Play™ adalah tanda dagangan Google, Inc.



Kandungan

Tentang panduan pengguna ini	5	Sapu atau lungsur.....	31
Tentang panduan pengguna ini.....	5	Ketik dua kali.....	31
Tanda dagangan.....	6	Cubit-untuk-Zum.....	31
DivX HD.....	6	Putar skrin.....	31
Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien	8	Skrin utama	31
Notis penting	16	Menyesuaikan Skrin utama.....	33
Mengenali peranti anda	20	Membuka, menukar, dan menghentikan aplikasi	33
Gambaran Keseluruhan Tablet.....	20	Menggunakan Dwi Tetingkap	34
Mengecas tablet anda.....	22	Menyesuaikan ikon aplikasi pada skrin Utama	35
Mengoptimumkan Hayat Bateri.....	24	Capaian pantas	36
Untuk memanjangkan hayat bateri anda.....	24	Pemberitahuan	37
Untuk melihat tahap cas bateri.....	24	Mencapai pemberitahuan.....	37
Untuk mengawal dan mengawasi penggunaan bateri.....	24	Tetapan Pantas di Panel Pemberitahuan.....	38
Memasang kad SIM.....	25	Untuk mengatur semula pilihan Tetapan Pantas pada Panel Pemberitahuan.....	38
Memasukkan kad microSD.....	26	Aplikasi QSlide di Panel Pemberitahuan..	39
Mengeluarkan kad microSD.....	27	Menggunakan aplikasi QSlide.....	39
Memformatkan kad microSD.....	27	Ikon Pemberitahuan pada Bar Status.....	39
Mengunci dan menyahkunci skrin.....	28	Berbilang Pengguna	41
Menghidupkan skrin menggunakan ciri Pasangkan skrin.....	28	QSlide	43
Membuka kunci skrin menggunakan ciri Knock Code.....	29	Menangkap Syot Layar	45
Skrin utama anda	30	Menggunakan QuickMemo+ bagi menangkap syot skrin.....	45
Petua skrin sentuh.....	30	Menggunakan Tambahan tangkapan bagi menangkap syot skrin pelayar.....	45
Ketik atau sentuh.....	30	Kaedah Input Teks	46
Sentuh dan tahan.....	30	Masukkan perkataan yang dicadangkan menggunakan kawalan gerak isyarat.....	47
Seret.....	30	Memasukkan aksara khas.....	48
		Menggunakan Dulang klip.....	48

Persediaan akaun Google.....	49	Kenalan.....	60
Menyambungkan kepada Rangkaian dan Peranti.....	50	Mencari kenalan	60
Wi-Fi.....	50	Tambah Kenalan Baru	60
Menyambungkan ke rangkaian Wi-Fi	50	Kenalan Kegemaran.....	60
Menghidupkan Wi-Fi dan menyambungkan kepada rangkaian Wi-Fi.....	50	Membuat kumpulan.....	61
Bluetooth.....	51	Mesej	62
Menghidupkan Bluetooth dan memperpasangkan tablet anda dengan peranti Bluetooth	51	Paparan perbualan.....	62
Hantar data menggunakan ciri Bluetooth.....	52	Menghantar mesej.....	62
Terima data menggunakan ciri Bluetooth.....	53	Menggunakan senyuman.....	63
SmartShare.....	53	Menukar tetapan mesej anda.....	63
Menikmati kandungan melalui pelbagai peranti.....	53	E-mel	64
Memainkan/Menghantar	53	Menguruskan akaun e-mel	64
Menikmati kandungan daripada Peranti berdekatan	54	Menggunakan folder akaun.....	65
Menyambungkan peranti.....	54	Mengarang dan menghantar e-mel	66
Mencari peranti lain.....	54	Menerima e-mel.....	66
Menggunakan kandungan dari Awan.....	54	Hiburan.....	67
Menggunakan Awan.....	54	Kamera	67
QPair.....	55	Mengenali pencari pandangan	67
Sambungan PC dengan kabel USB	57	Menggunakan tetapan lanjutan	68
Memindahkan muzik, foto dan video menggunakan mod Peranti media (MTP).....	57	Mengambil foto.....	69
Segerakkan dengan Windows Media Player.....	58	Zum masuk atau zum keluar	69
Sambungan PC dengan kabel USB untuk pengguna Mac OS X.....	59	Syot gerak isyarat.....	69
		Setelah anda mengambil gambar.....	70
		Melihat foto yang disimpan.....	71
		Merakam video.....	72
		Melihat video anda yang disimpan	72
		Galeri.....	73
		Melihat gambar	73
		Memainkan video.....	74
		Memadam imej dan video	74
		Menetapkan sebagai kertas dinding	74
		Pertunjukan slaid.....	75
		Video.....	75

Memainkan video	75	Tetapan.....	97
Muzik	77	Akses menu Tetapan.....	97
Pindahkan muzik menggunakan mod		RANGKAIAN TANPA WAYAR.....	97
Peranti media (MTP)	77	PERANTI.....	100
Memainkan lagu	77	PERIBADI.....	106
		SISTEM.....	109
Alat	80	LG Backup.....	113
QuickMemo+	80	Tentang penyandaran dan pemulihan	
QuickRemote.....	82	data peranti.....	113
Jam.....	84	Sandarkan data tablet anda.....	114
Kalkulator	84	Memulihkan data tablet	114
Kalendar	85		
Tugas.....	86	Kemas kini perisian tablet.....	116
Pengurus fail.....	86	Kemas kini perisian tablet.....	116
Perakam suara.....	87	Kemas kini perisian tablet LG melalui	
POLARIS Office 5	89	teknologi Over-the-Air	
Google+	90	(Melalui Udara, OTA)	116
LG SmartWorld.....	90	Aksesori.....	118
		Pencarisilapan	119
Web.....	92		
Internet.....	92		
Membuka halaman	92		
Penanda Buku	93		
Sejarah.....	93		
Menggunakan mod Pembaca.....	93		
Menggunakan QSlide.....	93		
Fail muat turun.....	93		
Chrome.....	94		
Melihat laman web.....	94		
Membuka halaman	94		
Membuat carian web menggunakan			
suara	94		
Menyegerak dengan peranti lain.....	95		
Menambah dan melihat penanda buku...	95		
Menu Pilihan Chrome	95		

Tentang panduan pengguna ini

Tentang panduan pengguna ini

- Sebelum menggunakan peranti anda, sila baca manual ini dengan teliti. Ini akan memastikan bahawa anda menggunakan peranti anda dengan selamat dan dengan betul.
- Seseengah imej dan syot layar yang disediakan dalam panduan ini mungkin nampak berbeza pada tablet anda.
- Kandungan anda mungkin berbeza daripada produk akhir, atau daripada perisian yang dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan atau pembawa. Kandungan ini mungkin tertakluk kepada perubahan tanpa notis lebih awal. Bagi versi terkini manual ini, sila lawati laman web LG di www.lg.com.
- Aplikasi peranti anda dan fungsinya mungkin berbeza mengikut negara, wilayah, atau spesifikasi perkakasan. LG tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah prestasi yang timbul akibat penggunaan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal selain daripada LG.
- LG tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap masalah prestasi atau ketidakserasian yang timbul akibat tetapan daftaran yang diedit atau perisian sistem pengendalian yang diubah suai. Sebarang cubaan untuk menyesuaikan sistem pengendalian anda boleh menyebabkan peranti atau aplikasinya tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya.
- Perisian, audio, kertas hias dinding, imej, dan media lain yang dibekalkan bersama peranti anda telah dilesenkan untuk penggunaan terhad. Jika anda memetik dan menggunakan bahan-bahan ini untuk tujuan perdagangan atau tujuan lain, anda mungkin melanggar undang-undang hak cipta. Sebagai pengguna, anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan media yang tidak sah di sisi undang-undang.

- Bayaran tambahan mungkin dikenakan untuk perkhidmatan data, seperti pemesejan, memuat naik dan memuat turun, penyegerakan auto, atau menggunakan perkhidmatan lokasi. Untuk mengelakkan caj tambahan, pilih pelan data yang sesuai dengan keperluan anda. Hubungi pembawa perkhidmatan anda untuk mendapatkan butiran tambahan.

Tanda dagangan

- LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar LG Electronics.
- Semua tanda dagangan dan hak cipta lain adalah harta pemiliknnya masing-masing.



TENTANG VIDEO DIVX: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, LLC, syarikat subsidiari Rovi Corporation. Ini adalah peranti DivX Certified® rasmi yang telah lulus ujian rapi untuk mengesahkan bahawa ianya memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk maklumat lanjut dan alatan perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

TENTANG DIVX VIDEO-ON-DEMAND: Peranti DivX Certified® ini hendaklah didaftarkan sebelum anda dapat memainkan filem DivX Video-on-Demand (VOD) yang dibeli. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari seksyen VOD DivX dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara melaksanakan pendaftaran anda.

DivX Certified® untuk memainkan video DivX® sehingga HD 720P, termasuk kandungan premium.

DivX®, DivX Certified® dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan Rovi Corporation atau syarikat subsidiarinya dan digunakan dengan kebenaran.

Maklumat Notis Perisian Sumber Terbuka

Untuk mendapatkan kod sumber di bawah GPL, LGPL, MPL dan lesen sumber terbuka lain yang terkandung dalam produk ini, sila lawati <http://opensource.lge.com>.

Selain kod sumber, semua terma lesen yang dirujuk, penafian waranti dan notis hak cipta tersedia untuk dimuat turun.

LG Electronics juga akan memberikan kod sumber terbuka kepada anda dalam CD-ROM dengan bayaran yang termasuk membiayai kos pengedaran (seperti kos media, pengiriman dan pengendalian) apabila menerima permintaan e-mel yang dikirimkan kepada opensource@lge.com. Tawaran ini sah selama tiga (3) tahun dari tarikh anda membeli produk tersebut.

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

Sila baca garis panduan yang mudah ini. Tidak mengikut garis panduan ini mungkin berbahaya atau tidak sah.

Sekiranya kesilapan berlaku, alat perisian akan dibina di dalam peranti anda dan mengumpulkan log kesilapan. Alat ini mengumpulkan data yang khusus kepada lalai sahaja, seperti kekuatan isyarat dan aplikasi yang dimuatkan. Log hanya digunakan untuk membantu menentukan punca bagi kesilapan. Log ini disulitkan dan hanya boleh diakses oleh Pusat pembaikan LG yang sah sekiranya anda perlu mengembalikan peranti anda untuk dibaik pulih.

Pendedahan kepada tenaga frekuensi radio

Maklumat pendedahan kepada gelombang radio dan Kadar Penyerapan Khusus (SAR).

Peranti tablet model LG-V490 ini telah direka bentuk untuk mematuhi keperluan keselamatan yang berkaitan untuk pendedahan kepada gelombang radio.

Keperluan ini adalah berdasarkan garis panduan saintifik yang termasuk margin keselamatan yang direka bentuk untuk memastikan keselamatan semua orang tanpa mengira umur dan kesihatan.

- Garis panduan pendedahan kepada gelombang radio menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Khusus (SAR). Ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kaedah yang dipiawaikan dalam keadaan peranti memancar pada aras kuasa tertinggi yang diperakui dalam semua jalur frekuensi yang digunakan.
- Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR pelbagai model peranti LG, semuanya telah direka bentuk untuk memenuhi garis panduan yang relevan bagi pendedahan kepada gelombang radio.
- Had SAR yang disyorkan oleh Suruhanjaya mengenai Perlindungan Sinaran Bukan-Ion Antarabangsa (ICNIRP) ialah 2 W/kg dipuratakan ke atas 10 g tisu.

- Nilai SAR tertinggi untuk peranti ini apabila dipakai di badan, seperti diterangkan dalam panduan pengguna ini, ialah 1.420 W/kg.
 - Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan sama ada dalam kedudukan penggunaan normal pada telinga atau apabila diletakkan pada jarak sekurang-kurangnya 0.00 cm dari badan. Apabila bekas pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan untuk pengendalian pemakaian pada badan, ia tidak sepatutnya mengandungi metal dan perlu meletakkan produk sekurang-kurangnya 0.00 cm menjauhi badan anda.
- Untuk memancarkan fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan yang berkualiti kepada rangkaian. Dalam beberapa kes, pemindahan fail data atau mesej mungkin ditangguhkan sehingga sambungan tersebut tersedia. Pastikan arahan jarak pemisahan diikuti sehingga pemindahan selesai.

Penjagaan dan penyelenggaraan produk

AMARAN

Notis untuk penggantian bateri

- Untuk keselamatan anda, jangan mengeluarkan bateri yang dimasukkan dalam produk. Jika anda perlu menggantikan bateri, bawanya ke pusat perkhidmatan Elektronik LG atau penjual untuk mendapatkan bantuan.
- Bateri Li-Ion ialah komponen berbahaya yang boleh menyebabkan kecederaan.
- Penggantian bateri oleh pakar yang tidak berkelayakan boleh menyebabkan kerosakan kepada peranti anda.

AMARAN

Hanya gunakan bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk digunakan bersama model tertentu peranti ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan peranti ini dan mungkin berbahaya.

- Jangan buka bahagian-bahagian unit ini. Bawa ia kepada juruteknik servis yang layak jika kerja pembaikan diperlukan.
- Pembaikan di bawah waranti, di atas budi bicara LG, mungkin termasuk alat ganti atau papan yang sama ada baru atau diperbaiki, asalkan kefungsiannya setara dengan bahagian yang diganti.
- Jauhkan dari perkakas elektrik seperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada getaran mekanikal atau kejutan.
- Matikan peranti di mana-mana tempat yang memerlukan anda berbuat demikian oleh undang-undang khas. Contohnya, jangan gunakan peranti anda di hospital kerana ia mungkin mengganggu peralatan hospital yang sensitif.
- Jangan kendalikan peranti dengan tangan yang basah semasa ia sedang dicas. Ia boleh menyebabkan terjadinya renjatan elektrik dan peranti mungkin akan rosak teruk.
- Jangan cas peranti berhampiran bahan yang mudah terbakar kerana peranti akan menjadi panas dan boleh menyebabkan bahaya kebakaran.
- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan cas tablet di atas perabot yang lembut.
- Peranti hendaklah dicas di kawasan berpengudaraan baik.
- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan peranti di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek yang tajam kerana ia boleh merosakkan tablet.
- Jangan dedahkan peranti kepada cecair atau kelembapan.
- Guna aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati.

- Jangan gunakan, sentuh atau cuba untuk mengeluarkan atau membaiki kaca yang pecah, sumbing atau retak. Kerosakan pada paparan kaca kerana ia disiasikan dan disalahgunakan adalah tidak diliputi oleh waranti ini.
- Tablet anda adalah peranti elektronik yang menjana haba pada penggunaan biasa. Sentuhan langsung dengan kulit dalam tempoh yang berpanjangan dalam keadaan pengudaraan tidak mencukupi mungkin akan mengakibatkan ketidakselesaan atau melecur sedikit. Oleh itu, anda hendaklah berjaga-jaga apabila mengendalikan peranti anda atau betul-betul selepas menggunakannya.
- Jika peranti anda basah, tanggalkan plag dengan serta merta untuk mengeringkan ia sepenuhnya. Jangan cuba mempercepat proses pengeringan menggunakan sumber pemanasan luaran, seperti ketuhar, ketuhar gelombang mikro atau pengering rambut.
- Cecair dalam peranti basah anda mengubah warna label produk dalam peranti anda. Kerosakan pada peranti anda akibat terdedah kepada cecair tidak dilindungi di bawah waranti anda.
- Gunakan tablet anda dalam suhu antara 0 °C dan 40 °C, jika boleh. Mendedahkan peranti anda kepada suhu yang terlampau rendah atau tinggi akan mengakibatkan kerosakan, malfungsi atau letupan.

Operasi peranti yang cekap

Peranti elektronik

Semua peranti tablet mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan peranti tablet anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Elakkan meletak tablet di atas perentak jantung, contohnya, di dalam poket dada anda.
- Sesetengah alat bantu pendengaran mungkin diganggu oleh peranti tablet.
- Sedikit gangguan mungkin boleh menjejaskan TV, radio, PC, dsb.

Keselamatan jalan

Semak undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan peranti tablet di kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan peranti pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa volum berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini khususnya amat penting jika anda berdekatan jalan raya.

Elakkan kerosakkan ke pendengaran anda

NOTA: Tekanan bunyi yang melampau dari fon telinga dan fon kepala boleh menyebabkan kehilangan pendengaran.



Untuk mencegah kerosakkan pendengaran, jangan mendengar pada tahap volum yang tinggi untuk tempoh yang panjang.

- Kerosakkan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan agar anda tidak menghidupkan atau mematikan tablet berhampiran dengan telinga anda. Kami juga mengesyorkan bahawa volum muzik dan panggilan ditetapkan kepada paras yang berpatutan.

- Apabila menggunakan fon kepala, kurangkan volum jika anda tidak dapat mendengar orang yang bercakap berdekatan dengan anda atau jika orang yang duduk di sebelah anda dapat mendengar apa yang sedang anda dengar.

Bahagian Kaca

Beberapa bahagian peranti tablet anda dibuat daripada kaca. Kaca ini akan retak atau pecah jika peranti anda terjatuh di atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kacanya pecah, jangan sentuh atau cuba untuk menanggalkannya. Berhenti menggunakan peranti anda sehingga kaca diganti oleh pembekal khidmat yang diluluskan.

Kawasan letupan

Jangan gunakan tablet di mana peletupan sedang dijalankan. Patuhi sekatan dan ikut sebarang aturan dan peraturan.

Persekitaran boleh meletup

- Jangan gunakan tablet di tempat mengisi minyak.
- Jangan gunakan berhampiran bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan di dalam ruang yang sama dengan yang mengandungi peranti tablet anda dan aksesori.

Di dalam pesawat

Peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan tablet anda sebelum menaiki sebarang pesawat terbang.
- Jangan gunakannya apabila mendarat tanpa izin anak kapal.

Kanak-kanak

Simpan peranti di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ia termasuk bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika ia tertanggal. Peranti ini juga mengandungi bateri dalaman yang boleh membahayakan jika peranti tidak digunakan atau diselenggara dengan betul.


Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Berbeza dengan sistem bateri yang lain, tidak ada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka pemasangan atau litar pintaskan bateri.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolegunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri secara terus kepada sinaran matahari atau gunakannya di tempat berkelembapan tinggi, seperti bilik air. Jangan biarkan peranti di tempat yang panas atau sejuk, kerana ini boleh menurunkan prestasi bateri.
- Terdapat risiko letupan jika bateri digantikan dengan jenis yang salah.
- Bateri perlu dibuang mengikut arahan pengilang. Sila kitar semula yang mana mungkin. Jangan lupuskan sebagai sampah rumah yang biasa.
- Jika anda hendak mengganti bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau wakil penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.

- Tanggalkan plag pengecas dari soket dinding setiap kali selepas tablet dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak perlu.
- Hayat sebenar bateri bergantung kepada konfigurasi rangkaian, tetapan produk, corak penggunaan, dan keadaan bateri dan persekitaran.
- Pastikan tiada item berbucu tajam seperti kuku atau gigi haiwan, bersentuhan dengan bateri. Ini akan menyebabkan kebakaran.

Cara mengemas kini tablet anda

Akses ke keluaran peralatan tegar terkini, fungsi perisian baru dan peningkatan.

- Mengemas kini tablet anda tanpa PC: Pilih **Pusat kemaskini**  > **Kemaskini perisian** > **Semak sekarang untuk kemas kinian**.
- Kemas kini telefon pintar anda dengan menyambungkannya kepada PC anda.

Untuk maklumat lanjut tentang menggunakan fungsi ini, sila layari <http://www.lg.com/common/index.jsp> dan pilih negara dan bahasa.

PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

Dengan ini, **LG Electronics** mengisytiharkan bahawa produk **LG-V490** ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan Arahan **1999/5/EC** lain yang berkaitan. Salinan Pengisytiharan Pematuhan boleh didapati di <http://www.lg.com/global/declaration>

Peraturan dan Keselamatan

Pergi ke "**Tetapan sistem** > **Perihal tablet** > **Peraturan dan Keselamatan**" untuk mendapatkan maklumat mengenai peraturan dan keselamatan

Notis penting




Sila baca maklumat ini sebelum mula menggunakan tablet anda!

Sila semak sama ada sebarang masalah tablet yang anda hadapi telah diterangkan dalam bahagian ini, sebelum anda membawa telefon anda untuk diservis atau memanggil wakil servis.

1. Memori Tablet

Anda perlu memeriksa memori tablet anda dan memadam sebahagian data seperti aplikasi, supaya lebih banyak memori tersedia.

Untuk membuang pemasangan aplikasi:

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > **Tetapan**  > **Apl**.
- 2 Selepas semua aplikasi muncul, pilih aplikasi yang hendak anda nyahpasang.
- 3 Ketik **Buang pemasangan** dan **OK** untuk mengesahkannya.

2. Sebelum memasang aplikasi dan sistem pengendalian (OS) sumber terbuka




AMARAN

Jika anda memasang dan menggunakan OS selain daripada yang disediakan oleh pengeluar, ini mungkin akan menyebabkan tablet anda gagal berfungsi. Di samping itu, tablet anda tidak lagi dilindungi oleh waranti ini.

AMARAN

Untuk melindungi tablet dan data peribadi anda, hanya muat turun aplikasi daripada sumber yang boleh dipercayai, seperti Play Store™. Jika terdapat aplikasi yang tidak dipasang dengan betul pada tablet anda, tablet anda mungkin tidak akan berfungsi sebagaimana sepatutnya atau ralat yang serius mungkin berlaku. Anda hendaklah menyahpasang aplikasi-aplikasi tersebut dan semua data dan tetapannya daripada tablet.

3. Menggunakan Kunci Skrin

Tetapkan kunci skrin untuk menjamin keselamatan tablet anda. Ketik  >  > tab **Apl** > **Tetapan**  > **Paparan** > **Skrin kunci** > **Pilih skrin kunci** dan pilih kunci skrin yang diingini dari **Seret**, **Knock Code**, **Corak**, **PIN** dan **Kata laluan**. Anda hendaklah mencipta PIN Sandaran sebagai langkah keselamatan jika anda terlupa kunci skrin anda.

Awas: Cipta atau log masuk ke akaun Google dahulu sebelum menetapkan kunci skrin dan ingat PIN Sandaran yang anda cipta sewaktu mencipta kunci skrin anda.

AMARAN

Langkah berjaga-jaga yang perlu diambil semasa menggunakan kunci skrin.

Mengingati kunci skrin yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses tablet anda jika anda menggunakan kunci skrin yang salah sebanyak 5 kali. Anda mempunyai 5 peluang untuk memasukkan corak buka kunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat.

Apabila anda tidak dapat ingat Corak, PIN, atau Kata Laluan anda:

< Jika anda terlupa corak anda >

Jika anda log masuk ke akaun Google anda pada tablet tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang **Terlupa corak?** di bahagian bawah skrin. Selepas itu anda diminta untuk log masuk dengan Akaun Google anda, atau anda perlu memasukkan PIN Sandaran yang telah anda masukkan semasa membuat Kunci Corak anda.

Jika anda belum mencipta akaun Google pada tablet atau anda terlupa PIN Sandaran, anda perlu melakukan penetapan semula keras.

< Jika anda telah terlupa PIN atau Kata Laluan anda >

Jika anda terlupa PIN atau Kata Laluan anda, anda perlu melakukan tetapkan semula keras.









Awis: Jika anda melakukan set semula keras, semua aplikasi pengguna dan data pengguna akan terpadam.

NOTA: Jika anda belum log masuk ke Akaun Google anda dan terlupa Corak anda, anda perlu memasukkan PIN Sandaran anda.

4. Menggunakan Tetapkan Semula Keras (Tetapkan Semula Kilang)

Jika tablet anda tidak pulih kepada keadaan asal, gunakan Tetapkan Semula Keras (Tetapkan Semula Kilang) untuk mengawalkannya.


- 1 Matikan tablet.
- 2 Tekan dan tahan **Kekunci Volum Rendah** | dahulu, kemudian tekan dan tahan **Kekunci Kuasa/Kunci** | di sebelah kanan tablet sehingga logo LG terpapar.

- 3 Lepaskan semua kekunci apabila logo LG dipaparkan.
- 4 Tekan dan tahan **Kekunci Kuasa/Kunci**  + **Kekunci Volum Rendah**  secara serentak dengan segera.
- 5 Lepaskan semua kekunci apabila skrin Tetapkan semula kilang dipaparkan.
- 6 Tekan mana-mana **Kekunci Volum**   untuk menggerakkan kursor ke **Ya**, kemudian tekan **Kekunci Kuasa/Kunci**  untuk teruskan.
- 7 Tekan mana-mana **Kekunci Volum**   untuk menggerakkan kursor ke **Ya**, kemudian tekan **Kekunci Kuasa/Kunci**  untuk mengesahkan.
- 8 Peranti anda akan melakukan penetapan semula keras.

AMARAN


Jika anda melakukan Set Semula Keras, semua aplikasi pengguna, data pengguna dan lesen DRM akan dipadam. Jangan lupa untuk menyandarkan sebarang data penting sebelum melakukan Tetapkan Semula Keras.

5. Apabila skrin menjadi kaku

Jika skrin pegun atau tablet tidak bertindak balas semasa anda cuba mengendalikannya: Tekan dan tahan **Kekunci Kuasa/Kunci**  selama lebih dari 8 saat sehingga logo LG terpapar untuk memulakan semula tablet anda. Jika telefon masih tidak berfungsi, sila hubungi pusat servis.

Mengenalinya peranti anda

Gambaran Keseluruhan Tablet



NOTA: Tablet anda direka bentuk dengan dua bukaan pembesar suara di bahagian belakang atas sebab-sebab estetik. Walau bagaimanapun, bunyi yang sebenar dapat didengari daripada hanya satu pembesar suara. Sila ambil perhatian bahawa ia bukannya menyebabkan kerosakan pada produk.

NOTA: Pastikan mikrofon tidak terhalang semasa merakam video atau klip audio.



Kamera menghadap hadapan	Gunakan bagi mengambil gambar dan merakam video diri sendiri. Anda juga boleh gunakannya untuk sembang video. Jaga kebersihannya agar prestasi kekal optimum.
Kekunci Kuasa/ Kunci	Tekan untuk kunci/nyahkunci skrin. Tekan dan tahan bagi menghidupkan/mematikan tablet, memulakan semula, mengaktifkan/menyahaktifkan mod pesawat, dan menukar tetapan bunyi.
Kekunci volum	Membolehkan anda melaraskan volum media. Tekan dan tahan kedua-dua kekunci serentak untuk mencapai ciri QuickMemo+.
Bicu fon telinga	Membolehkan anda mencucukkan set kepala tambahan untuk perbualan yang menyenangkan dan bebas tangan. Anda juga boleh memasukkan fon kepala untuk mendengar muzik.
LED Inframerah (IR)	Digunakan sebagai sensor untuk aplikasi QuickRemote.
Slot kad SIM/kad MikroSD	Membolehkan anda memasukkan kad SIM dan kad mikroSD anda.
Mikrofon	Merakam suara anda dan membolehkannya digunakan untuk fungsi teraktif suara.

Pengecas/Port USB	Membolehkan anda menyambungkan tablet dan kabel USB untuk digunakan dengan penyesuai pengecas, PC anda atau aksesori lain yang serasi.
Kamera menghadap belakang	Gunakan untuk mengambil gambar dan merakam video. Jaga kebersihannya agar prestasi kekal optimum.
Pembesar Suara	Digunakan untuk mendengar audio dari fungsi terpilih (cth. muzik, video, klip bunyi, dsb.)

AMARAN

Meletakkan objek berat di atas tablet atau duduk di atasnya akan merosakkan kefungsi LCD dan skrin sentuhnya.

PETUA!

- Ketik **ikon Menu**  apabila anda membuka aplikasi untuk menyemak pilihan yang tersedia.
- Jika peranti terkunci dan tidak berfungsi, tekan dan tahan **Kunci Kuasa/ Kunci**  selama lebih daripada 8 saat sehingga logo LG terpapar untuk memulakan semula tablet anda.


Mengecas tablet anda

Penyesuai USB, yang disertakan dengan tablet anda digunakan untuk mengecas bateri. Sebelum menggunakan tablet buat kali pertama, pastikan bateri dicas sepenuhnya.

NOTA: Peranti anda mempunyai bateri dalaman boleh cas semula. Untuk keselamatan anda, jangan mengeluarkan bateri yang dimasukkan dalam produk.

AMARAN! Jika skrin sentuh tidak berfungsi semasa tablet dalam proses pengecasan, ini mungkin disebabkan bekalan kuasa yang tidak stabil. Jika ini berlaku, tanggalkan kabel USB dari peranti atau cabut penyesuai USB dari salur keluar kuasa.

- 1 Sambungkan penyesuai USB dan kabel USB.
- 2 Pasangkan palam kabel USB (seperti ditunjukkan di bawah) ke dalam port Pengecas/USB tablet.
- 3 Pasang pengecas ke dalam soket elektrik.



NOTA: Bateri mesti dicas dengan penuh pada awalnya untuk memperbaiki hayat bateri.



Mengoptimumkan Hayat Bateri

Anda boleh memanjangkan hayat bateri antara caj dengan mematikan ciri yang anda tidak perlu jalankan di dalam latar belakang. Anda juga boleh mengawasi bagaimana aplikasi dan sumber sistem menggunakan kuasa bateri.



Untuk memanjangkan hayat bateri anda

- Matikan komunikasi radio yang tidak anda gunakan, seperti Wi-Fi, Bluetooth atau GPS.
- Kurangkan kecerahan skrin dan tetapkan tamat masa skrin yang lebih pendek.
- Matikan penyegerakan automatik bagi Gmail™, Kalendar, Kenalan dan aplikasi lain.
- Sesetengah aplikasi yang anda telah muat turun mungkin boleh mengurangkan kuasa bateri anda.
- Semasa menggunakan aplikasi yang dimuat turun, semak tahap cas bateri.

Untuk melihat tahap cas bateri

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tetapan**  > **Perihal tablet** > **Bateri**.
- 2 Status bateri (mengecas atau menyahcas) dan tahap dipaparkan di bahagian atas menu skrin.

Untuk mengawal dan mengawasi penggunaan bateri

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tetapan**  > **Perihal tablet** > **Bateri** > **Penggunaan bateri**.
- 2 Skrin memaparkan masa penggunaan kuasa bateri dan juga menyenaraikan aplikasi atau perkhidmatan yang menggunakan kuasa bateri dari jumlah terbesar kepada terkecil.


Memasang kad SIM

- 1 Untuk memasang kad SIM, cari dan buka penutup slot.
- 2 Gunakan kuku jari untuk menarik keluar dulang kad SIM perlahan-lahan.

NOTA: Terdapat dua slot di bawah penutup (slot yang satu lagi ialah untuk kad mikroSD).

NOTA: Jika anda tukar kad SIM, selepas memasukkan kad SIM anda perlu mulakan semula tablet anda.

- 3 Masukkan kad SIM ke dalam dulang dengan kontak keemasan menghadap ke bawah. Tolak dulang itu kembali ke dalam slot sehingga ia "klik" di tempatnya dan tutup penutup.




Memasukkan kad microSD

Peranti anda menyokong penggunaan kad memori microSD berkapasiti sehingga 128 GB. Kandungan multimedia boleh disimpan dalam kad microSD.

- 1 Letakkan kuku jari anda dalam potongan dan tarik penutup slot kad memori untuk mengeluarkannya.





- 2 Masukkan kad memori ke dalam slot dengan sesentuh emas menghadap ke atas. Tolak penutup slot kad memori dengan berhati-hati ke dalam tablet untuk menutupnya.



Mengeluarkan kad microSD



Untuk mengeluarkan kad microSD dengan selamat dari tablet anda, anda perlu menyahlekapnya dahulu.

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tetapan**  > **Storan** > **Menyahlekap kad SD**.
- 2 Buka dulang kad mikroSD dan tolak kad ke dalam untuk melepaskannya.
- 3 Tarik kad microSD dari slot perlahan-lahan.

AMARAN! Jangan keluarkan kad microSD tanpa menyahlekapnya dahulu. Jika tidak, ia mungkin akan merosakkan kad microSD juga tablet anda, dan data yang disimpan pada kad microSD mungkin akan tercemar.


Memformatkan kad microSD

AMARAN! Semua fail yang disimpan pada kad microSD terpadam apabila anda formatkan kad itu.


- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tetapan**  > **Storan**.
- 2 Ketik **Padam kad SD** (dua kali).
- 3 Jika anda menetapkan corak nyahkunci, masukkan dan ketik **Memadam semua**. Kad kemudiannya akan diformatkan dan sedia untuk digunakan.

NOTA: Jika terdapat kandungan pada kad microSD anda, struktur foldernya mungkin berbeza selepas pemformatan memandangkan semua fail telah dipadamkan.

Mengunci dan menyahkunci skrin


Jika anda tidak menggunakan tablet untuk seketika, skrin akan terpadam dan terkunci secara automatik. Ini membantu menghalang daripada kekunci ditekan tanpa sengaja dan menjimatkan kuasa bateri. Apabila anda tidak menggunakan tablet anda, tekan **Kekunci Kuasa/Kunci**  untuk mengunci tablet anda.

Jika mana-mana program sedang berjalan semasa anda mengunci skrin anda, program ini mungkin masih terus berjalan dalam mod Kunci. Anda disyorkan agar keluar daripada semua program sebelum memasuki mod Kunci untuk mengelakkan bayaran yang tak perlu (seperti akses web dan komunikasi data).

Untuk membangunkan telefon anda, tekan **Kekunci Kuasa/Kunci** . Skrin kunci akan muncul. Sentuh dan luncurkan Skrin kunci ke mana-mana arah untuk membuka kunci skrin Utama anda. Skrin terakhir yang anda lihat akan terbuka.

Menghidupkan skrin menggunakan ciri Pasangkan skrin

Ciri KnockON membolehkan anda mengetik skrin dua kali bagi menghidupkan atau mematikan skrin dengan mudah.





- Ketik dua kali dengan pantas bahagian tengah skrin bagi menghidupkan skrin.
- Ketik dua kali Bar Status, kawasan kosong pada skrin Utama atau skrin Kunci untuk mematikan skrin.

Membuka kunci skrin menggunakan ciri Knock Code

Ciri Knock Code membolehkan anda mencipta kod buka kunci anda sendiri menggunakan kombinasi ketuk (atau ketik) pada skrin.

- Semasa skrin padam, ketik mengikut turutan yang sama yang anda telah tetapkan di mana-mana saja pada skrin. Skrin Utama akan dapat dicapai secara terus.

Untuk mengaktifkan ciri Knock Code

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tetapan**  > **Paparan** > **Skrin kunci** > **Pilih skrin kunci** > **Knock Code**.
- 2 Ini akan membuka skrin yang akan memandu anda melalui cara untuk membuka kunci turutan. Anda perlu mencipta PIN Sandaran sebagai langkah keselamatan jika anda terlupa turutan buka kunci anda.

Skrin utama anda

Petua skrin sentuh

Di sini terdapat beberapa tip mengenai cara menavigasi tablet anda.

NOTA:

- Untuk memilih item, sentuh bahagian tengah ikon.
- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan yang ringan dan kukuh.
- Gunakan hujung jari anda untuk menyentuh pilihan yang anda kehendaki. Berhati-hati supaya tidak tersentuh kekunci lain.

Ketik atau sentuh

Ketikan jari sekali memilih item, pautan, pintasan dan huruf pada papan kekunci pada skrin.

Sentuh dan tahan

Sentuh dan tahan item pada skrin dengan menyentuhnya dan tidak mengangkat jari anda sehingga tindakan berlaku. Contohnya, untuk membuka pilihan tersedia kenalan, sentuh dan tahan kenalan dalam senarai Kenalan sehingga menu konteks terbuka.

Seret

Sentuh dan tahan item buat seketika, lalu, tanpa mengangkat jari anda, gerakkan jari anda pada skrin sehingga anda mencapai kedudukan yang disasarkan. Anda boleh menyeret item pada skrin Utama untuk menukar kedudukannya.

Sapu atau lungsur

Untuk menyapu atau meluncur, dengan cepat gerakkan jari anda merentasi permukaan skrin, tanpa menjeda apabila pertama kali anda menyentuhnya (maka, anda tidak menyeret item). Contohnya, anda boleh meluncur skrin ke atas atau ke bawah untuk menatal melalui beberapa kanvas skrin Utama berbeza dengan meleret dari kiri ke kanan (dan sebaliknya).

Ketik dua kali

Ketik dua kali untuk zum pada halaman web atau peta. Anda juga boleh mengetik dua kali untuk zum masuk dan keluar selepas melihat gambar dan semasa menggunakan Peta. Ketik dua kali juga boleh mengaktifkan ciri KnockON bagi menghidupkan atau mematikan skrin sentuh.

Cubit-untuk-Zum

Gunakan jari telunjuk dan ibu jari anda dalam gerakan mencubit atau mengembang untuk zum masuk atau keluar semasa menggunakan penyemak imbas, Peta atau semasa menyemak imbas gambar.


Putar skrin

Daripada banyak aplikasi dan menu, orientasi skrin akan dilaraskan mengikut orientasi fizikal peranti.

Skrin utama

Hanya seret jari anda ke kiri atau kanan untuk melihat panel. Anda boleh suaikan setiap panel dengan aplikasi, muat turun, widget dan kertas dinding.

Kekunci Pantas tersedia di bahagian bawah skrin Utama dan memberikan capaian mudah satu sentuhan kepada fungsi yang paling kerap anda gunakan.



Bar Status – Menunjukkan maklumat status peranti termasuk masa, kekuatan isyarat Wi-Fi, status bateri dan ikon pemberitahuan.

Ikun aplikasi – Ketik ikon (aplikasi, widget, folder, dsb.) untuk membuka dan menggunakannya.

Kekunci Pantas – Memberikan akses mudah satu sentuhan kepada fungsi yang paling kerap anda gunakan.

Kekunci Dwi Tetingkap – Ketik untuk menukar mod dwi tetingkap. Ia membolehkan anda mengurus dua apl berbeza pada masa yang sama dengan memisahkan skrin kepada dua.

Kunci Apl Terbaharu – Ketik untuk memaparkan aplikasi yang baru digunakan. Anda juga boleh sentuh dan tahan untuk memaparkan pilihan Menu dalam aplikasi.

Kekunci Rumah – Mengembalikan ke skrin Utama (atau mengembalikan ke kanvas skrin Utama lalai anda dari mana-mana kanvas sambungan skrin Utama). Sentuh dan tahan untuk mengakses Google Now.

Kekunci Kembali – Kembali ke skrin sebelumnya.. Juga menutup item pop-timbul seperti menu, petak dialog, dan papan kekunci pada skrin. Sentuh dan tahan untuk mengakses Dwi tetingkap.


Menyesuaikan Skrin utama

Anda boleh menyesuaikan Skrin utama anda dengan menambahkan aplikasi, muat turun, widget, atau kertas dinding. Untuk menggunakan tablet anda dengan lebih mudah, tambahkan aplikasi dan widget kegemaran anda kepada skrin Utama.

Untuk menambah item pada Skrin utama anda:

- 1 Sentuh dan tahan bahagian kosong pada Skrin utama.
- 2 Ketik tab **Apl** atau **Widget**.
- 3 Seret item yang dikehendaki ke lokasi yang dikehendaki dan angkat jari anda.


Untuk mengalih keluar item daripada Skrin utama:

Sentuh dan tahan ikon yang ingin dibuang, seret ikon ke , dan angkat jari anda.

PETUA! Untuk menambah ikon aplikasi ke Skrin utama dari skrin Aplikasi, sentuh dan tahan aplikasi yang anda ingin tambah dan seret aplikasi ke lokasi yang dikehendaki.



PETUA! Anda boleh tambah beberapa ikon aplikasi ke dalam satu folder. Lepaskan satu ikon aplikasi ke atas satu lagi pada skrin Utama dan satu folder akan dicipta.



Membuka, menukar, dan menghentikan aplikasi


Ketik  untuk memaparkan aplikasi yang baru digunakan. Anda boleh terus membiarkan berbilang aplikasi berjalan pada masa yang sama, dan bertukar-tukar antara beberapa aplikasi yang terbuka. Anda juga boleh menghentikan aplikasi daripada berjalan secara manual.





Menggunakan Dwi Tetingkap

Ciri Dwi Tetingkap memisahkan skrin untuk mendayakan fungsi berbilang tugas, interaksi seret dan lepas, auto-pautan dan aplikasi yang baru digunakan.

- 1 Sentuh  untuk memisahkan skrin atau sentuh dan tahan  sehingga senarai aplikasi dipaparkan.



- 2 Sentuh atau seret ikon aplikasi ke ruang yang diinginkan.
- 3 Ketik  untuk menukar pilihan berikut. Anda juga boleh seret tab untuk menukar saiz tetingkap.

	Tukar antara dua skrin.
	Tukar senarai aplikasi.
	Pandangan skrin penuh.
	Tutup aplikasi.


Untuk menyahdayakan ciri Dwi Tetingkap


- 1 Ketik  > **Apl**  > **Tetapan**  > **Dwi Tetingkap**.
- 2 Ketik suis Dwi tetingkap untuk menogol **MATI**.

PETUA! Anda boleh lancarkan dua aplikasi **Internet** pada masa yang sama.

Menyesuaikan ikon aplikasi pada skrin Utama

Anda boleh sesuaikan setiap ikon aplikasi dengan imej daripada Galeri anda.

- 1 Sentuh dan tahan ikon aplikasi sehingga ikon dibuka kunci dari kedudukan semasanya. Kemudian lepaskannya pada skrin. Ikon pengeditan  akan muncul di sudut kanan atas aplikasi.
- 2 Ketik semula ikon aplikasi dan pilih reka bentuk dan saiz ikon yang diinginkan dan ketik **Pilih**. Atau ketik **Tmbh baru** dan laraskan saiz ikon dan pilih imej daripada Galeri anda.




Untuk melihat panel skrin Utama yang lain

- Leretkan (atau kuis) jari anda ke kiri atau ke kanan merentasi skrin Utama.
- Cubit pada skrin Utama untuk memaparkan pandangan panel mini, kemudian ketik panel skrin Utama yang anda mahu lihat.



Capaian pantas


Untuk melihat item capaian pantas, sentuh di mana saja di kawasan kekunci hadapan dan seret ke atas. Pilihan berikut tersedia: Google Now.



Pemberitahuan

Pemberitahuan memberitahu anda tentang ketibaan mesej baharu, acara kalendar, dan penggera, di samping peristiwa yang sedang berlaku, seperti fail yang muat turun.

Dari Panel Pemberitahuan, anda boleh melihat status semasa tablet anda dan pemberitahuan yang belum dibuka. Apabila pemberitahuan tiba, ikonnya akan muncul pada bahagian atas skrin. Ikon bagi pemberitahuan yang belum dibuka akan muncul di sebelah kiri, dan ikon sistem akan menunjukkan perkara seperti Wi-Fi atau kekuatan bateri di sebelah kanan.



Mencapai pemberitahuan

Leret Bar Status ke bawah untuk membuka Panel Pemberitahuan dan mencapai pemberitahuan. Untuk menutup Panel Pemberitahuan, sapu ke atas bar yang terdapat di bahagian bawah skrin.



Bar Tetap Pantas – Leret ke kiri atau kanan bagi menatal melalui senarai. Ketik ikon untuk mengaktifkan/menyahaktifkan ciri ini.

QSLIDE APLIKASI – Ketik aplikasi QSlide untuk membuka sebagai tettingkap kecil pada skrin anda. Ketik ☰ untuk mengalih keluar, menambah atau menyusun semula aplikasi QSlide.

Luncurkan ke kiri dan kanan bagi melaraskan kecerahan skrin dan volum.

Butang PDM BERSIH – Ketik sini untuk membersihkan senarai anda daripada pemberitahuan berasaskan acara.



Ketik pemberitahuan untuk membukanya.

Tetapan Pantas di Panel Pemberitahuan

Gunakan Tetapan Pantas bagi menogol tetapan fungsi seperti Wi-Fi dengan mudah. Tetapan Pantas terletak di bahagian atas Panel Pemberitahuan.

NOTA: Sentuh dan tahan ikon dalam Bar Tetap Pantas untuk melihat menu tetapanfungsi.

Untuk mengatur semula pilihan Tetapan Pantas pada Panel Pemberitahuan

Buka Panel Pemberitahuan, leretkan Tetapan Pantas ke kiri dan ketik . Untuk mengatur semula item, seret  ke lokasi yang diinginkan. Untuk menambah lebih banyak ikon, tandakan fungsi yang diinginkan.

Aplikasi QSlide di Panel Pemberitahuan

Aplikasi QSlide dipaparkan di bar pada Panel Pemberitahuan di bawah bar Tetapan Pantas. Ikon-ikon ini memberi cara yang pantas dan mudah bagi melakukan berbilang tugas pada skrin yang sama (sama dengan gambar-dalam-gambar di TV). QSlide memaparkan tettingkap aplikasi yang kecil pada skrin yang boleh dialihkan, ditukar saiz atau dijadikan lut sinar.






NOTA: Anda boleh keluarkan bar aplikasi QSlide dengan menetik ikon QSlide di bar Tetapan Pantas.

Menggunakan aplikasi QSlide

Ketik mana-mana aplikasi QSlide di bar bagi mengaktifkannya. Setelah diaktifkan, ciri QSlide membuka aplikasi di tettingkap di latar depan, membolehkan anda mengakses aplikasi lain di latar belakang. Anda boleh membuka sehingga dua tettingkap QSlide pada satu-satu masa.

Ikon Pemberitahuan pada Bar Status

Ikon yang disenaraikan dalam jadual di bawah adalah ikon yang biasa didapati.

Ikon	Huraian
	Mod pesawat
	Disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi
	Alat dengar berwayar disambungkan
	Bluetooth dihidupkan
	Amaran sistem

	Mod getar dihidupkan
	Mos senyap sedang aktif
	Bateri dicas sepenuhnya
	Bateri sedang dicas
	Perkongsian kandungan dihidupkan
	Memuat turun data
	Memuat naik data
	Penggera ditetapkan
	GPS dihidupkan
	Data sedang menyegerak
	Mesej Gmail baharu
	Mesej baru Hangouts
	Lagu sedang dimainkan
	Tablet disambungkan dengan PC melalui kabel USB
	Mod penjimat bateri dihidupkan
	Hotspot Wi-Fi diaktifkan

Berbilang Pengguna

Hanya satu ID pemilik tablet boleh dicipta, tetapi berbilang ID pengguna boleh ditambahkan supaya orang lain boleh log masuk dan menggunakan tablet secara bebas. Setiap pengguna boleh mengkonfigurasi tetapan tablet mereka sendiri, menggunakan ruang storan mereka sendiri, dan mempunyai keistimewaan pengemaskinian aplikasi mereka sendiri.

Keistimewaan pemilik tablet



- Hanya ID pemilik tablet boleh menambahkan ID log masuk pengguna baharu dan mengeluarkan ID pengguna.

Had berbilang pengguna tablet


- Semua pengguna berkongsi bateri, memori dalaman, dan penggunaan data yang sama dengan semua pengguna lain.
- Tetapan bahasa yang ditetapkan oleh seorang pengguna adalah terpakai kepada semua pengguna lain.
- Setiap pengguna boleh mengkonfigurasi dan menggunakan hanya kandungan dan data mereka sendiri (cth. Tetapan skrin Utama, tetapan Bunyi dsb.).
- Mana-mana pengguna boleh menerima kebenaran apl yang dikemas kini bagi pihak semua pengguna lain.
- Mesej dan acara kalendar yang dijadualkan akan dihantar untuk memberitahu ID pengguna yang dinyatakan sahaja.

- Pemindahan data, muat turun, persembahkan multimedia, dan perkhidmatan komunikasi akan berhenti jika ID pengguna ditukar. Tetapi, pemindahan data melalui Play Store boleh diteruskan walaupun jika ID pengguna ditukar.

Untuk menambah pengguna baru pada tablet anda


- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tetapan**  > **Pengguna** > **Tambah pengguna**.
- 2 Pilih jenis pengguna yang anda mahu tambah.
 - **Pengguna:** Pengguna mempunyai aplikasi dan kandungan mereka sendiri.
 - **Pengguna terhad:** Anda boleh hadkan capaian ke aplikasi dan kandungan daripada akaun anda.
- 3 Bestari penyediaan dibuka untuk membantu anda menambah pengguna baharu. Sentuh **Tetapkan sekarang**.
 - Selepas mencipta pengguna baharu, pengguna tersebut perlu melalui proses penyediaan sebaik saja selepas log masuk pertama.

Untuk bertukar pengguna

- 1 Tarik ke bawah bar Status di bahagian atas skrin.
- 2 Sentuh ikon pengguna  untuk menunjukkan panel pertukaran.
- 3 Sentuh salah satu ikon pengguna pada skrin. Pilih daripada nama pemilik atau mana-mana nama pengguna lain yang anda telah cipta.


QSlide


Fungsi QSlide mendayakan tetingkap tindihan di atas paparan tablet anda untuk melakukan berbilang tugas dengan mudah. Tetingkap QSlide boleh dibuka dari bar **QSLIDE APLIKASI** di panel Pemberitahuan, atau terus dari aplikasi yang menyokong fungsi QSlide.



Buka Panel Pemberitahuan dan ketik aplikasi yang diingini dari bahagian **QSLIDE APLIKASI**.


ATAU

Semasa menggunakan aplikasi yang menyokong QSlide, ketik . Fungsi ini akan dipaparkan secara berterusan sebagai tetingkap kecil pada skrin anda.



Menggunakan QSlide



Ciri QSlide membuka aplikasi berkaitan di tettingkap di latar depan, membolehkan anda mengakses aplikasi lain di latar belakang. Ia dipaparkan secara berterusan pada skrin sehingga anda menutupnya.





1		Ketik untuk menjalankan QSlide.
2		Ketik untuk keluar dari QSlide dan kembali ke tettingkap penuh.
3		Ketik untuk melaraskan transparensi.
4		Ketik untuk menutup QSlide.
5		Ketik untuk melaraskan saiznya.


NOTA: Fungsi QSlide boleh menyokong sehingga dua tettingkap pada masa yang sama. QSlide hanya menyokong aplikasi berikut: Video, Internet, Kalendar, E-mel, Pengurus Fail, dan Calculator.

Menangkap Syot Layar

Tekan dan tahan Kekunci **Turun Volum**  dan **Kekunci Kuasa/Kunci**  pada masa yang sama selama 2 saat untuk menangkap syot skrin bagi skrin semasa.

Untuk melihat imej yang ditangkap, pergi ke **Apl**  > **Galeri**  > folder **Screenshots**.

Menggunakan QuickMemo+ bagi menangkap syot skrin


Pada skrin yang anda mahu tangkap, seret Bar Status ke bawah dan pilih **QuickMemo+** .

ATAU

Tekan dan tahan kedua-dua **Kekunci Volum**   secara serentak.

Menggunakan Tambahan tangkapan bagi menangkap syot skrin pelayar

Ciri ini membolehkan anda menangkap bahagian skrin di pelayar Internet lalai.

- 1 Buka aplikasi **Internet** dan pergi ke halaman yang anda mahu tangkap syot skrin.
- 2 Ketik **ikon Menu**  > **Tambahan tangkapan**.
- 3 Laraskan petak biru kepada saiz yang diinginkan, kemudian ketik **Simpan**. Kawasan yang dipilih disimpan ke folder **Capture plus** dalam Galeri.

Kaedah Input Teks

Papan kekunci atas skrin terpapar secara automatik pada skrin apabila anda perlu memasukkan teks. Untuk memaparkan papan kekunci secara manual, hanya ketik medan teks di mana anda hendak memasukkan teks.

Cadangan perkataan

Paparkan perkataan yang anda masukkan.

Cadangan perkataan

⬆️ Ketik sekali untuk menjadikan huruf seterusnya yang anda taip dalam huruf besar. Ketik dua kali untuk membuatkan semua huruf besar.

⌫ Ketik untuk memadam aksara yang sebelumnya.

⬅️ Ketik untuk membuat baris baru dalam medan mesej.

Ⓜ Ketik untuk memilih salah satu daripada jenis papan kekunci yang dikehendaki.

Ⓜ Ketik untuk memasukkan ruang.

⚙ Ketik untuk mengakses tetapan papan kekunci LG. Sentuh dan tahan untuk mengakses Dulang Klip.

Ⓜ# Ketik untuk beralih kepada papan kekunci angka dan simbol.

EN Ketik untuk memilih bahasa papan kekunci.

Masukkan perkataan yang dicadangkan menggunakan kawalan gerak isyarat



Masukkan teks pada papan kekunci dan cadangan perkataan berkaitan yang muncul.

Ceraikan papan kekunci menggunakan gerak isyarat


Ciri papan kekunci pisah membolehkan anda menggunakan kedua-dua tangan untuk menaip. Setiap setengah daripada papan kekunci tertarik ke kiri atau kanan skrin.

Untuk menukar ketinggian papan kekunci

Laraskan ketinggian papan kekunci untuk menunjukkan lebih banyak bahagian skrin dan mengawal papan kekunci dengan lebih mudah.

- Ketik  > **Ketinggian dan tataletak papan kekunci** > **Tinggi papan kekunci dalam potret** > Ketik dan seret ikon  untuk melaraskan ketinggian papan kekunci.

Untuk menukar kekunci barisan bawah

- Ketik  > **Ketinggian dan tataletak papan kekunci** > **Tataletak QWERTY** > Ketik dan seret untuk menambah atau memadam kekunci atau menukar turtannya.

NOTA: Hanya papan kekunci QWERTY, QWERTZ, AZERTY boleh disesuaikan. Fungsi ini tidak menyokong bahasa lain.

Memasukkan aksara khas



Papan kekunci pada skrin membolehkan anda memasukkan aksara khas (misalnya "á").

Sebagai contoh, sentuh dan tahan kekunci yang dikehendaki (misalnya, kekunci "a"). Selepas aksara yang diinginkan muncul, luncurkan jari anda di atasnya dan angkat untuk memasukkannya.


NOTA: Simbol di sudut atas sebelah kanan kekunci menunjukkan bahawa aksara tambahan tersedia.

Menggunakan Dulang klip

Akses kandungan yang anda simpan di dalam Dulang klip dengan mudah pada bila-bila masa dan di mana-mana saja yang anda mahu. Anda boleh salin imej atau teks dan simpan dalam Dulang klip. Kemudian, anda boleh tampalkannya pada bila-bila masa dan di mana-mana saja yang anda mahu.

- 1 Sentuh dan tahan teks dan imej semasa melihat atau mengeditnya dan ketik Dulang klip.
- 2 Sentuh dan tahan medan input teks dan pilih **Dulang klip**. Anda juga boleh akses **Dulang klip** dengan menyentuh dan menahan  > .

NOTA:

- Anda boleh simpan sehingga 10 item di dalam Dulang klip.
- Akses Dulang klip dan ketik , pilih item yang anda mahu padam, kemudian ketik Selesai.
- Fungsi ini mungkin disokong dalam aplikasi yang dimuat turun.

Persediaan akaun Google

Apabila anda menghidupkan tablet anda buat pertama kali, anda mempunyai peluang untuk mengaktifkan rangkaian, mendaftar masuk ke Akaun Google anda dan memilih cara anda menggunakan sesetengah perkhidmatan Google.

Untuk menyediakan akaun Google anda

- Daftar masuk ke Akaun Google daripada skrin persediaan yang digesa.

ATAU

- Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Tetapan**  > **Akaun & selari** > **Tambah akaun** > **Google**.

Jika anda sudah mempunyai akaun Google, masukkan alamat e-mel anda dan ketik **SETERUSNYA**. Jika tidak, sentuh **ATAU BUAT AKAUN BAHARU** dan masukkan maklumat yang perlu bagi mencipta Akaun Google yang baru.

Setelah anda menyediakan akaun Google anda pada tablet anda, tablet anda akan secara automatik menyegerak dengan akaun Google anda di Web.

Kenalan, mesej Gmail, acara Kalendar, dan maklumat anda yang lain daripada aplikasi ini dan perkhidmatan di Web akan disegerakkan dengan tablet anda. (Ini bergantung pada tetapan penyegerakan anda.)

Selepas mendaftar masuk, anda boleh menggunakan Gmail™ dan memanfaatkan perkhidmatan Google pada tablet anda.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti




Wi-Fi

Dengan Wi-Fi, anda boleh menggunakan akses Internet kelajuan tinggi dalam liputan titik akses wayarles (AP). Nikmati Internet wayarles menggunakan Wi-Fi, tanpa caj tambahan.

Menyambung ke rangkaian Wi-Fi

Untuk menggunakan Wi-Fi pada tablet anda, anda perlu mengakses titik akses wayarles atau 'hotspot'. Seseengah pusat akses adalah terbuka dan anda hanya perlu menyambung padanya. Yang lain adalah tersembunyi atau menggunakan ciri keselamatan; anda hendaklah mengkonfigurasi tablet anda agar dapat menyambung kepadanya. Matikan Wi-Fi apabila anda tidak menggunakannya, untuk melanjutkan hayat bateri anda.

Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Tetapan**  > **Wi-Fi**.
- 2 Ketik  untuk menghidupkan Wi-Fi dan mulakan imbasan untuk mencari rangkaian Wi-Fi yang tersedia.
- 3 Ketik **Cari** untuk melihat senarai rangkaian Wi-Fi dalam lingkungan dan aktif.
 - Rangkaian selamat ditandakan oleh ikon kunci.
- 4 Sentuh rangkaian untuk menyambung padanya.
 - Jika rangkaian selamat, anda digesa untuk memasukkan kata laluan atau kelayakan lain. (Tanya pentadbir rangkaian anda untuk mendapatkan butiran)
- 5 Bar Status memaparkan ikon yang menandakan status Wi-Fi.

Bluetooth




Anda boleh menggunakan Bluetooth untuk menghantar data dengan menjalankan aplikasi yang sepadan, tetapi bukan daripada menu Bluetooth seperti kebanyakan telefon mudah alih dan tablet yang lain.


NOTA:

- LG tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan, pintasan, atau penyalahgunaan data yang dihantar atau diterima melalui ciri wayarles Bluetooth.
- Sentiasa pastikan bahawa anda berkongsi dan menerima data dengan peranti yang dipercayai dan dilindungi dengan sempurna. Jika terdapat halangan antara peranti, jarak operasi boleh dikurangkan.
- Beberapa peranti, terutamanya yang tidak diuji atau diluluskan oleh Bluetooth SIG, mungkin tidak serasi dengan peranti anda.

Menghidupkan Bluetooth dan memperpasangkan tablet anda dengan peranti Bluetooth

Anda hendaklah memasang peranti anda dengan peranti lain sebelum anda menyambung padanya.

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Tetapan**  > **Bluetooth**.
- 2 Ketik suis Bluetooth  untuk menghidupkannya.
- 3 Ketik kotak tanda di sebelah nama tablet anda supaya ia dapat dilihat oleh peranti Bluetooth yang lain.

NOTA: Untuk memilih tempoh masa bagi peranti anda akan kelihatan, ketik **ikon Menu**  > **Keterlihatan tamat masa**.

- 4 Senarai peranti tersedia akan dipaparkan. Ketik peranti yang anda mahu pasang dari senarai.

NOTA: Bergantung kepada jenis peranti, anda mungkin perlu masukkan kod yang sepadan, mengesahkan kod yang sepadan, atau peranti mungkin dipasangkan secara automatik.

- 5 Sebaik saja pemasangan berjaya, tablet anda akan bersambung dengan peranti lain.

NOTA: Tablet anda tidak menyokong Profil Bebas Tangan. Oleh itu, penggunaan ciri panggilan dengan sesetengah aksesori seperti set kepala Bluetooth atau peranti yang mendayakan Bluetooth mungkin tidak tersedia untuk peranti ini.

Hantar data menggunakan ciri Bluetooth

- 1 Buka item dan ketik .

ATAU

Sentuh dan tahan item dan pilih **Kongsi**.

- 2 Ketik **Bluetooth** untuk berkongsi melalui Bluetooth.

NOTA: Kaedah untuk memilih pilihan mungkin berbeza mengikut jenis data.

- 3 Cari dan pasang dengan peranti yang didayakan Bluetooth.



Terima data menggunakan ciri Bluetooth

- 1 Rujuk panduan pengguna peranti Bluetooth dan hantar fail ke tablet anda. Kedua-dua peranti perlu dipasangkan dan Bluetooth perlu dihidupkan.
- 2 Pasangkan peranti dan ketik **Terima** apabila anda menerima Permintaan Kebenaran Bluetooth bagi menerima fail.

SmartShare

Anda boleh menggunakan ciri SmartShare dengan mudah dalam Galeri, aplikasi Muzik, dan lain-lain.

Menikmati kandungan melalui pelbagai peranti


Anda boleh berkongsi kandungan tablet anda dengan pelbagai peranti. Ketik  atau ketik  > **SmartShare** untuk berkongsi kandungan di dalam aplikasi **Galeri**, **Muzik**, **POLARIS Office 5**.

Memainkan/Menghantar

Play – Anda boleh memainkan kandungan melalui TV, pembesar suara Bluetooth atau dsb.

Beam – Anda boleh menghantar kandungan ke peranti yang menyokong Bluetooth dan SmartShare Beam.

- **SmartShare Beam** – La membolehkan pemindahan ciri kandungan dengan pantas melalui Wi-Fi Direct.



Menikmati kandungan daripada Peranti berdekatan

Anda boleh menikmati kandungan daripada peranti berdekatan (spt. PC, NAS, Mudah Alih) dalam aplikasi Galeri dan Muzik.

Menyambungkan peranti

Sambungkan peranti anda dan peranti lain yang disokong oleh DLNA dalam rangkaian Wi-Fi yang sama.

Mencari peranti lain

Ketik **Peranti berdekatan**, kemudian anda dapat melihat peranti yang disokong DLNA.

Sambung pada peranti untuk melihat kandungan tersebut.

Menggunakan kandungan dari Awan

Anda boleh menggunakan kandungan dari awan (iaitu, Dropbox) dalam Galeri dan aplikasi Muzik.

Menggunakan Awan


NOTA: Ciri-ciri yang disokong mungkin berbeza bergantung kepada awan. Mengambil semula data mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada awan.

- 1 Pilih **Awan** dalam aplikasi Galeri dan Muzik.
- 2 Pilih awan yang anda ingin gunakan dan log masuk.
- 3 Anda boleh menggunakan kandungan awan selepas melog masuk.
- 4 Tetapkan tetapan awan untuk memilih aplikasi untuk menggunakan awan.

QPair

Dengan menyambungkan tablet dan telefon mudah alih anda melalui QPair, anda boleh menyegerakkan panggilan masuk, mesej, dan pemberitahuan rangkaian sosial antara tablet dan telefon mudah alih anda.



- 1 Jalankan **QPair**  dan ketik **Persediaan awal** > **Mula** pada tablet anda dahulu dan kemudian jalankan langkah-langkah yang sama pada telefon anda.

PETUA! QPair mungkin tidak diprapasang di telefon. Pergi ke Google Play Store dan cari Qpair dan pasang.

NOTA:

- QPair boleh berfungsi dengan telefon yang menjalankan Android 4.1 atau lebih baharu. Sesetengah ciri mungkin terhad bergantung pada model telefon anda.
- Oleh kerana QPair menggunakan fungsi Bluetooth, ia mungkin tidak berfungsi secara normal jika anda tukar tetapan Bluetooth semasa QPair digunakan.

2 Sambungan Bluetooth akan dihidupkan secara automatik.

Ciri-ciri QPair

Pemberitahuan panggilan – Menghantar pemberitahuan kepada tablet apabila telefon menerima panggilan. Pemberitahuan memaparkan nombor pemanggil dan membolehkan anda menjawab dan menolak panggilan. Anda juga boleh menukar tetapan panggilan, seperti nada dering, volum nada dering, nada dering dengan getaran, atau hantar atau tolak mesej apabila anda mendapat panggilan.

NOTA: Anda hanya boleh menerima panggilan yang disokong oleh teknologi Bluetooth. Mendail panggilan daripada tablet menggunakan ciri QPair tidak boleh dilakukan.

Pemberitahuan mesej – Menghantar pemberitahuan kepada tablet apabila telefon menerima mesej. Anda juga boleh tukar tetapan mesej, seperti pop-timbul mesej, pratonton mesej, bunyi pemberitahuan, dan getaran pemberitahuan.

Pemberitahuan SNS – Memaparkan pemberitahuan rangkaian sosial pada Bar Status tablet anda apabila ia tiba di telefon anda.

NOTA: Untuk mendayakan ciri ini, hidupkan pilihan pemberitahuan rangkaian sosial QPair pada telefon anda (**Tetapan > Kebolehcapaian > pemberitahuan rangkaian sosial QPair**). Pilihan ini membolehkan anda diberitahu tentang pemberitahuan rangkaian sosial pada tablet anda.

QuickMemo+ Pindah – Menyimpan QuickMemo+ semasa anda dalam Galeri tablet, dan kemudian segerakkan Galeri tablet ini dengan Galeri pada telefon anda.

Internet melalui telefon – Menyambungkan tablet anda ke Internet melalui telefon mudah alih anda (sebagai kawasan liputan Wi-Fi). Menggunakan ciri ini mungkin menyebabkan anda dikenakan caj data. Untuk menjimatkan penggunaan data di telefon, telefon menyambung secara automatik ke sebarang Wi-Fi hotspot yang dipercayai yang berada dalam julat.

Sambungan PC dengan kabel USB

Anda boleh menyambungkan tablet anda ke PC anda untuk mengecasnya, memindahkan item ke PC dari tablet dan sebaliknya.

Memindahkan muzik, foto dan video menggunakan mod Peranti media (MTP)

- 1 Sambungkan tablet anda kepada PC menggunakan kabel USB.
- 2 Jika anda belum memasang Pemacu Platform Android LG pada PC anda, anda akan diminta untuk menukar tetapan secara manual. Untuk menukar tetapan, luncurkan Bar Status ke bawah dan ketik mod sambungan USB semasa > **Peranti media (MTP)**.
- 3 Anda kini akan dapat melihat kandungan peranti Media pada PC anda dan memindahkan fail tersebut.

NOTA: Jika anda mahu menukar tetapan sambungan PC, luncurkan Bar Status ke bawah dan pilih opsyen mod sambungan USB. Tetapan ini kelihatan pada Bar Status hanya apabila anda sambungkan kabel USB ke tablet anda.

Segerakkan dengan Windows Media Player

Pastikan Windows Media Player dipasangkan pada PC anda.

- 1 Gunakan kabel USB untuk menyambungkan tablet kepada PC yang telah memasang Windows Media Player.
 - 2 Pilih pilihan **Peranti media (MTP)**.
 - 3 Apabila bersambung, tettingkap timbul akan muncul pada PC. Pilih opsyen Windows Media Player untuk menyegerakkan fail muzik.
 - 4 Pilih dan seret fail muzik ke senarai penyegerakan.
 - 5 Mulakan penyegerakan.
- Keperluan berikut mestilah dipenuhi untuk menyegerak dengan Windows Media Player.

Item	Keperluan
OS	Microsoft Windows XP SP2, Vista atau lebih tinggi
Versi Windows Media Player	Windows Media Player 10 atau lebih tinggi

- Jika versi Windows Media Player lebih lama daripada 10, pasang versi 10 atau lebih baharu.

Sambungan PC dengan kabel USB untuk pengguna Mac OS X


Anda boleh pindahkan kandungan media ke PC Mac OS X anda daripada tablet dan sebaliknya dengan menyediakan program Pemindahan Fail Android.

- 1 Muat turun dan pasang program Pemindahan Fail Android daripada laman web [android.com](http://www.android.com/filetransfer/) untuk Pengguna Mac (<http://www.android.com/filetransfer/>).
- 2 Sambungkan tablet anda ke komputer anda, dan dwiklik aplikasi AFT (program Pemindahan Fail Android) untuk memulakannya.
- 3 Anda boleh lihat kandungan media, seret dan lepas fail media ke dan daripada tablet (atau PC).





Kenalan

Anda boleh menambah kenalan pada tablet anda dan menyegerakkannya dengan kenalan dalam Akaun Google anda atau akaun lain yang menyokong segerak kenalan.

Mencari kenalan

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Kenalan**  untuk membuka senarai kenalan anda.
- 2 Ketik kotak **Cari kenalan** dan masukkan nama kenalan. Anda juga boleh mengetik huruf di sepanjang sisi kiri skrin untuk mencapai nama yang bermula dengan huruf yang dipilih.



Tambah Kenalan Baru

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Kenalan** .
- 2 Ketik **Kenalan baru** . Pilih akaun yang dikehendaki (jika berkenaan).
- 3 Jika anda mahu menambah gambar pada kenalan baharu, ketik . Pilih dari **Ambil gambar** untuk mengambil gambar menggunakan kamera atau **Pilih dari galeri**. Kemudian semak imbas imej dan pilih.
- 4 Ketik  bagi memasukkan maklumat nama yang lebih khusus.
- 5 Masukkan butiran tentang kenalan anda.
- 6 Ketik **Simpan**.


Kenalan Kegemaran

Anda boleh mengelaskan kenalan yang kerap dipanggil sebagai kegemaran.



Untuk menambah kenalan pada kegemaran anda

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Kenalan**  bagi membuka kenalan anda.
- 2 Ketik kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Ketik bintang  di sebelah kanan nama kenalan. Bintang menjadi emas dan kenalan ditambah kepada kegemaran anda.

Untuk mengeluarkan kenalan dari senarai kegemaran

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Kenalan**  bagi membuka kenalan anda.
- 2 Ketik tab **Kegemaran** untuk melihat kenalan kegemaran anda.
- 3 Ketik kenalan untuk melihat butirannya.
- 4 Ketik bintang emas ke kanan nama kenalan. Bintang bertukar kelabu dan kenalan ini akan dikeluarkan daripada kegemaran anda.

Membuat kumpulan

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Kenalan**  bagi membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh tab **Kumpulan**, kemudian sentuh .
- 3 Masukkan nama untuk kumpulan baru.
 - Ketik **Tambah ahli** untuk menambah entri kenalan ke kumpulan baharu anda.
- 4 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan kumpulan tersebut.

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang dimasukkan kepada kumpulan itu tidak akan hilang. Mereka akan kekal dalam kenalan anda.






Mesej

Tablet anda menggabungkan mesej teks dengan mesej multimedia dalam satu menu intuitif yang mudah digunakan.

Paparan perbualan

Pertukaran mesej dengan pihak lain dipaparkan dalam urutan kronologi dan jaluran mesej agar anda dapat melihat gambaran keseluruhan perbualan anda dengan mudah.



Menghantar mesej

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl** , ketik **Mesej** , kemudian ketik **Menggubah**  untuk membuat mesej baharu.
- 2 Masukkan nama kenalan atau nombor panggilan dalam medan Kepada. Apabila anda memasukkan nama kenalan, mesej yang sepadan akan muncul. Anda boleh mengetik penerima yang dicadangkan. Anda juga boleh menambah berbilang mesej.
- 3 Ketik medan teks untuk mula memasukkan mesej anda.
- 4 Sentuh **ikon Menu**  untuk membuka menu opsyen. Pilih mana-mana daripada pilihan yang tersedia.
- 5 Ketik **Hantar**  untuk menghantar mesej anda.

AMARAN! Had 160 aksara mungkin berbeza antara negara bergantung pada cara mesej teks dikodkan dan bahasa yang digunakan dalam mesej. Jika imej, video, atau fail audio ditambah pada mesej teks, fail ini akan secara automatik ditukar kepada mesej multimedia, dan pelan perkhidmatan anda akan dicaj dengan sepatutnya.

Menggunakan senyuman

Ceritakan mesej anda menggunakan senyuman.

Apabila menulis mesej baharu, ketik  dan pilih kategori pada bar alat di bahagian bawah papan kekunci. Anda juga boleh ketik **ikon Menu**  > **Memasukkan senyuman**.

Menukar tetapan mesej anda

Tetapan mesej tablet anda dipratentukan, agar anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Anda boleh menukar tetapan berdasarkan keutamaan anda.


- Dari skrin Utama, ketik **Mesej**  > **ikon Menu**  > **Tetapan**.

E-mel

Anda boleh menggunakan aplikasi E-mel untuk membaca e-mel daripada perkhidmatan seperti Yahoo!, MSN, dan AOL. Aplikasi E-mel menyokong jenis akaun berikut: POP3, IMAP dan Exchange.

Penyedia perkhidmatan atau pentadbir sistem anda akan dapat menyediakan tetapan akaun yang anda perlukan.

Menguruskan akaun e-mel

Ketik **E-mel**  pada skrin Utama. Kali pertama anda membuka aplikasi E-mel, wizard persediaan akan terbuka untuk membantu anda menyediakan akaun e-mel.

Selepas penyediaan awal, kandungan peti masuk anda dipaparkan. Jika anda telah menambah lebih daripada satu akaun, anda akan dapat beralih dari akaun ke akaun.


Untuk menambah akaun e-mel lain:

- Buka aplikasi **E-mel** dan ketik **ikon Menu**  > **Tetapan** > **Tambah akaun**.

Untuk saling bertukar antara akaun:

Jika anda telah menambah lebih daripada satu akaun, anda boleh saling bertukar antara akaun itu dengan mudah. Dari mana-mana folder e-mel, ketik akaun semasa (di bahagian atas skrin), kemudian ketik akaun yang anda mahu capai.

Untuk menukar tetapan umum akaun e-mel:

Buka aplikasi **E-mel** dan ketik **ikon Menu**  > **Tetapan** > **Tetapan Umum** untuk mengkonfigurasi tetapan yang terpakai kepada semua akaun anda. Ketik satu akaun individu untuk mengkonfigurasi tetapan hanya untuk akaun itu sahaja.

Untuk memadamkan akaun e-mel:




- Buka aplikasi **E-mel** dan ketik **ikon Menu**  > **Tetapan** > **ikon Menu**  > **Keluarkan akaun** > sentuh akaun yang anda mahu padam > **Buang** > **Ya**.

Menggunakan folder akaun

Buka aplikasi **E-mel** dan ketik **ikon Menu**  dan pilih **Folders**.

Setiap akaun mempunyai folder Inbox, Peti keluar, Dihantar dan Draf. Bergantung pada ciri-ciri yang disokong oleh penyedia perkhidmatan akaun anda, anda boleh mempunyai folder tambahan.

Mengarang dan menghantar e-mel

- 1 Semasa berada dalam aplikasi **E-mel**, ketik **Menggubah** .
- 2 Masukkan alamat penerima mesej. Sambil anda memasukkan teks, alamat sepadan akan dicadangkan daripada Kenalan anda. Pisahkan berbilang alamat dengan tanda koma bertitik.
- 3 Ketik **Lampirkan**  untuk melampirkan fail, jika perlu.
- 4 Masukkan subjek dan mesej anda.
- 5 Ketik **Hantar**  untuk menghantar mesej.
Jika anda tidak disambungkan kepada rangkaian, contohnya, jika anda dalam mod pesawat, mesej yang anda hantar akan disimpan dalam folder Peti Keluar sehingga anda disambungkan semula kepada rangkaian. Jika ia mengandungi sebarang mesej yang belum dihantar, Peti keluar akan dipaparkan pada skrin Akaun.

Menerima e-mel

Apabila e-mel baru tiba ke Peti Masuk anda, anda akan diberitahu dengan bunyi atau getaran (bergantung kepada tetapan bunyi dan getaran anda) dan ikon pemberitahuan muncul di Bar Status.

Kamera

Untuk membuka aplikasi Kamera, ketik **Kamera**  pada skrin Utama.

Mengenalinya pencari pandangan








- 1 Kosongkan pandangan** – Sentuh untuk menunjukkan atau menyembunyikan menu pada pencari pandang.
- 2 Tukar kamera** – Tukar antara lensa kamera menghadap belakang dan lensa kamera menghadap hadapan. Anda juga boleh menukar kamera dengan meleret skrin.
- 3 Mod** – Membolehkan mod tangkapan ditetapkan ke **Auto** atau **Panorama**.
- 4 Tetapan** – Sentuh ikon ini untuk membuka menu tetapan.
- 5 Galeri** – Sentuh untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap. Ini membolehkan anda mengakses Galeri anda dan melihat foto yang disimpan semasa dalam mod kamera.
- 6 Mod Video** – Ketik untuk mula merakam video.

- 7 **Tangkap** – Mengambil gambar.
- 8 **Keluar** – Sentuh untuk keluar dari kamera.

NOTA: Sila pastikan kanta kamera dalam keadaan bersih sebelum mengambil gambar.


Menggunakan tetapan lanjutan

Dalam pencari pandangan, ketik  untuk membuka pilihan lanjutan.

	Memilih resolusi foto. Jika anda pilih resolusi tinggi, saiz fail akan bertambah, bermaksud anda boleh menyimpan bilangan gambar yang kurang dalam memori.
	Ambil gambar dengan perintah suara.
	Menetapkan masa tunda selepas butang tangkap ditekan. Ini sangat sesuai jika anda juga mahu bergambar sama.
	Memaparkan garisan grid pada skrin untuk membantu anda menjajarkan foto anda.
	Buka panduan bantuan untuk mengetahui cara sesuatu fungsi beroperasi.

PETUA! Apabila anda keluar dari kamera, beberapa tetapan kembali kepada tetapan lalainya, seperti pemasa. Periksa yang berikut ini sebelum mengambil foto anda yang seterusnya.

Mengambil foto


- 1 Buka aplikasi **Kamera**.
- 2 Halakan lensa ke arah subjek yang anda mahu ambil gambarnya.
- 3 Sentuh  untuk menangkap gambar. Anda juga boleh tangkap gambar dengan menyentuh mana-mana di skrin dalam mod **Kosongkan pandangan**.

Zum masuk atau zum keluar

Apabila mengambil gambar atau merakam video, letakkan dua jari di mana-mana pada skrin dan renggangkan untuk mengezum masuk. Untuk mengezum keluar, rapatkan kedua-dua jari itu.







Syot gerak isyarat

Ciri syot Gerak Isyarat membolehkan anda mengambil gambar dengan gerak isyarat tangan menggunakan kamera depan. Untuk mengambil foto, angkat tangan anda, dengan tapak tangan terbuka, sehingga kamera depan mengesannya dan satu kotak muncul pada skrin. Kemudian tutup tangan anda menjadi genggam dan pemasaan bermula, ini memberikan anda masa untuk bersedia.




Setelah anda mengambil gambar

- 1 Ketik pratonton imej dengan butang tangkap untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap.
- 2 Ketik **Galeri**, kemudian ketik **OK**.

	Sentuh untuk mengedit gambar.
	Sentuh untuk terus mengambil foto lain.
	Sentuh untuk menghantar memo anda kepada orang lain atau berkongsi melalui perkhidmatan rangkaian sosial.
	Tekan untuk memadamkan gambar.
	Sentuh untuk mengakses lebih banyak pilihan.
	Sentuh untuk menambah gambar pada kegemaran anda.

PETUA! Jika anda mempunyai akaun laman rangkaian sosial dan menyediakannya pada tablet anda, anda boleh berkongsi foto anda dengan komuniti rangkaian sosial anda.

Sentuh **ikon Menu**  untuk membuka pilihan berikut.

SmartShare – Sentuh untuk berkongsi foto anda menggunakan fungsi SmartShare.

Tetapkan imej sebagai – Sentuh untuk menggunakan foto **Hias latar skrin utama**, **foto kenalan**, **Kertas hias dinding skrin kunci** atau **Wallpaper**.

Pindah – Sentuh untuk mengalih foto ke album lain.

Salin – Sentuh untuk menyalin foto yang dipilih dan simpan ke dalam album lain.

Salin ke Klip dulang – Sentuh untuk menyalin foto dan menyimpannya dalam Dulang Klip.

Pertunjukan slaid – Menunjukkan kepada anda imej dalam folder semasa satu per satu secara automatik.

Putar Kiri/Kanan – Sentuh untuk memutar ke kiri atau kanan.

Kerat – Pangkas foto anda. Gerakkan jari anda merentasi skrin untuk memilih kawasan yang hendak dipangkas.

Tambah lokasi – Untuk menambah maklumat lokasi.

Namakan semula – Sentuh untuk mengedit nama gambar yang dipilih.

Cetak – Membolehkan anda mencetak gambar.

Butiran – Memaparkan maklumat lanjut tentang gambar.

Melihat foto yang disimpan



Anda boleh mengakses foto yang disimpan apabila dalam mod kamera. Hanya ketik pratonton imej dengan butang tangkap dan Galeri anda akan dipaparkan.

1 Pilih aplikasi untuk digunakan untuk melihat dan/atau mengedit foto anda. Ketik **Galeri**  atau **Photos** .



2 Ketik **OK**.

- Untuk melihat lebih banyak foto, tatal ke kiri atau ke kanan.
- Untuk zum masuk atau keluar, dwiketuk skrin atau letakkan dua jari dan jarakkannya (rapatkan jari anda untuk zum keluar).

Merakam video


- 1 Buka aplikasi **Kamera**.
- 2 Halakan kanta ke arah subjek yang anda mahu tangkap dalam video anda.
- 3 Sentuh ikon mod Video  untuk memulakan rakaman.
- 4 Pemasa yang menunjukkan panjang video akan muncul.
- 5 Sentuh  pada skrin untuk berhenti merakam.

PETUA!

- Ketik  untuk menjedakan rakaman.
- Ketik  untuk mengambil syot skrin sambil merakam video.

Melihat video anda yang disimpan

Capai video tersimpan anda semasa berada dalam mod kamera video dengan mengetik pratonton imej dengan butang tangkap.

- 1 Dalam pencari pandang, ketik pratonton imej dengan butang tangkap.
- 2 **Galeri** anda akan muncul pada skrin dengan video yang paling baharu dirakam terpapar. Leret ke kiri untuk menatal ke video anda yang lain.
- 3 Ketik ikon Main  pada video untuk memainkannya secara automatik.

NOTA: Anda juga boleh melihat video anda dalam aplikasi Galeri dan Foto.

NOTA: Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan yang ringan namun teguh.

Galeri

Anda boleh menyimpan fail multimedia dalam memori dalaman supaya anda dapat mengakses semua fail multimedia anda dengan mudah. Gunakan aplikasi ini untuk melihat fail multimedia seperti gambar dan video.


Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Galeri** .

Anda boleh menguruskan dan berkongsi semua fail imej dan video anda dengan Galeri.

NOTA:





- Beberapa format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian yang dipasang pada telefon.
- Sesetengah fail mungkin tidak akan dimainkan dengan betul, bergantung kepada bagaimana ia dikodkan.
- Jika saiz fail melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.

Melihat gambar

Melancarkan aplikasi **Galeri**  akan memaparkan folder anda yang tersedia. Apabila aplikasi lain, seperti E-mel, menyimpan gambar, folder Muat Turun akan dicipta secara automatik untuk menyimpan gambar ini. Begitu juga, menangkap tangkap layar dengan automatik akan mencipta folder Tangkap Layar. Ketik folder untuk membukanya.

Gambar dipaparkan secara berturutan mengikut tarikh tercipta. Pilih gambar yang hendak dilihat dalam skrin penuh. Tatal ke kiri atau kanan untuk melihat imej seterusnya atau sebelumnya.

Memainkan video



Buka aplikasi **Galeri**  dan pilih album. Ikon Main  dipaparkan pada fail video. Ketik imej untuk memilihnya. Pilih aplikasi untuk memainkannya (ketik aplikasi **Photos**  atau aplikasi **Video** ) , kemudian ketik **OK** dan video akan memulakan main semula.

NOTA:

- NOTA: Semasa menggunakan aplikasi Video untuk memainkan video, luncurkan bahagian kiri skrin ke atas atau ke bawah untuk melaraskan kecerahan. Luncurkan bahagian kanan skrin ke atas atau ke bawah untuk melaraskan volumn.
- Semasa menggunakan aplikasi Video memainkan video, luncurkan skrin ke kiri atau ke kanan untuk putar balik atau maju -pantas.

Memadam imej dan video


Gunakan salah satu kaedah berikut:


- Dalam folder, ketik  dan pilih foto dan video yang ingin dipadam, kemudian ketik **Padam**, kemudian **Ya** untuk mengesahkan.
- Semasa melihat foto atau video, ketik , kemudian ketik **Ya** untuk mengesahkan.

Menetapkan sebagai kertas dinding

Apabila melihat foto, sentuh **ikon Menu**  > **Tetapkan imej sebagai** dan pilih **Hias latar skrin utama**, **Kertas hias dinding skrin kunci** atau **Wallpaper**.

Pertunjukan slaid

Anda boleh melihat foto anda dalam tayangan slaid dengan album atau dengan memilih semua foto anda. Dari skrin Utama, ketik **Galeri** .



- Ketik album dengan foto yang anda mahu lihat, kemudian ketik **ikon Menu**  > **Pertunjukan slaid** > pilih imej yang anda mahu lihat > **Selepas** > sahkan tetapan persembahan slaid > **Mula**.


Ketik bahagian tengah skrin untuk berhenti memainkan pertunjukan slaid.










Video

Galeri anda mempunyai pemain video bersepadu yang membolehkan anda memainkan semua video kegemaran anda.


Memainkan video

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Galeri**  > **Video**.
- 2 Pilih video yang anda mahu mainkan.



1		Sentuh untuk menambah video pada kegemaran anda.
2		Sentuh akses QSlide dan paparkan video di tettingkap kecil.
3		Sentuh untuk berkongsi video anda melalui fungsi SmartShare.
4		Sentuh untuk mengakses lebih banyak pilihan.
5		Sentuh untuk mengurus volum video.
6		Sentuh dan tahan untuk putar semula dalam 3 saat tambahan. Ketik sekali untuk putar balik 10 saat.
7		Sentuh untuk menjeda main balik video.
8		Sentuh dan tahan untuk mara cepat dalam 3 saat tambahan. Ketik sekali untuk mara laju 10 saat.
9		Sentuh untuk mengunci/membuka kunci skrin video.



Untuk menukar volum semasa menonton video, tekan Kekunci Volum di sebelah kanan tablet.

Ketik **Galeri** >  (pada sudut atas kiri bar tajuk > **Video**, kemudian sentuh dan tahan video dalam senarai untuk mengakses pilihan berikut:

Kongsi, Padam, Potong, Namakan semula dan **Butiran**.

PETUA! Semasa menonton video, luncur ke atas dan ke bawah di sepanjang sisi kiri skrin untuk melaraskan kecerahan skrin. Luncur ke atas dan ke bawah di sepanjang sisi kanan skrin untuk melaraskan volum.



Muzik


Tablet anda mempunyai pemain muzik yang membolehkan anda memainkan semua trek kegemaran anda. Bagi mengakses pemain muzik, dari skrin Utama ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Muzik** .












Pindahkan muzik menggunakan mod Peranti media (MTP)

- 1 Sambungkan tablet ke PC anda menggunakan kabel USB.
- 2 Pilih pilihan **Peranti media (MTP)**. Tablet anda akan kelihatan sebagai pemacu keras yang lain pada komputer anda. Klik pada pemacu keras ini untuk melihatnya. Salin fail dari PC anda ke dalam folder pemacu.

Memainkan lagu

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Muzik** .
- 2 Sentuh tab **Lagu**.
- 3 Pilih lagu yang anda mahu mainkan.



1		Sentuh untuk berkongsi muzik anda melalui fungsi SmartShare.
2		Sentuh untuk menetapkan lagu semasa sebagai kegemaran.
3		Sentuh untuk melihat senarai main Sekarang.
4		Sentuh untuk mengakses lebih banyak pilihan.
5		Sentuh untuk menetapkan mod kocokan.
6		Sentuh untuk menetapkan mod ulangan.
7		Sentuh untuk menguruskan volum muzik.
8		Sentuh untuk kembali ke permulaan lagu. Sentuh dan tahan untuk putar balik dalam 3 saat.
9		Sentuh untuk menjeda main balik.
10		Sentuh untuk melangkaui ke lagu seterusnya dalam album atau senarai main. Sentuh dan tahan untuk maju-pantas dalam 3 saat.
11		Sentuh bagi menetapkan kesan audio.

Untuk menukar volum semasa mendengar muzik, tekan Kekunci Volum di sebelah kanan tablet.

Sentuh dan tahan mana-mana lagu dalam senarai untuk mengakses pilihan berikut: **Main**, **Tambah pada senarai main**, **Padam**, **Kongsi**, **Butiran** dan **Cari**.




NOTA:

- Sesetengah format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian peranti.
- Jika saiz fail melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.
- Hak cipta fail muzik mungkin dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional. Oleh itu, kebenaran atau lesen mungkin perlu diperoleh untuk mengeluarkan semula atau menyalin muzik. Dalam sesetengah negara, undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan berhak cipta. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, semak undang-undang nasional negara yang berkenaan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

QuickMemo+




Ciri QuickMemo+ membolehkan anda membuat memo dan menangkap syot skrin. Tangkap skrin, lukis padanya, dan kongsikannya dengan keluarga dan rakan dengan QuickMemo+.








Mencipta Memo

- 1 Dari skrin Utama, ketik **QuickMemo+** , kemudian ketik  untuk membuat mesej baharu.
- 2 Anda boleh edit teks dengan menaip perkataan secara terus atau memilih jenis dan warna pen yang anda mahu gunakan dan masukkan teks dengan menulis tangan.
- 3 Tambahkan peringatan dengan menyentuh  untuk menetapkan pemberitahuan peringatan untuk acara itu.
- 4 Tambahkan maklumat cuaca dan lokasi ke memo anda jika terdapat rangkaian data.


Menggunakan pilihan QuickMemo+

Pilihan berikut tersedia dalam bar alat QuickMemo+ pada bahagian atas skrin.

	Sentuh untuk membuka memo dalam QSlide.
	Membolehkan anda membuat asal dan membuat semula tindakan sebelumnya.
	Membolehkan anda mengedit teks, warnanya dan penjarannya.



	Membolehkan anda memasukkan teks dengan menulis tangan. Anda boleh pilih jenis pen untuk digunakan dan ketebalan, transparensi dan warnanya.
	Memadamkan edit yang anda lakukan pada memo.
	Menyimpan memo dalam QuickMemo+.
	Sentuh untuk mengakses lebih banyak pilihan.
	Membolehkan anda menetapkan pemberitahuan peringatan untuk acara.
	Membolehkan anda memasukkan maklumat cuaca ke dalam memo.
	Membolehkan anda menambah maklumat lokasi menggunakan GPS.


Menangkap syot skrin untuk QuickMemo anda

- 1 Untuk mengakses ciri QuickMemo+, luncurkan Bar Status ke arah bawah dan sentuh .

ATAU

Tekan kedua-dua **Kekunci Volum** secara serentak selama 1 saat.

- 2 Pilih pilihan menu yang diinginkan daripada bar alat dan buat memo.
- 3 Ketik  untuk menyimpan memo. Untuk keluar dari QuickMemo+ pada bila-bila masa, ketik **Kunci Kembali** .



NOTA: Sila gunakan hujung jari anda semasa menggunakan QuickMemo+. Jangan gunakan kuku jari anda.

QuickRemote

QuickRemote menukar tablet anda kepada Kawalan Jauh Universal untuk TV, Blu-ray atau DVD rumah anda.


NOTA: QuickRemote mungkin tidak tersedia untuk sesetengah peranti dan kawasan.

Untuk membuka dan mengkonfigurasi QuickRemote

- 1 Dari skrin Utama, ketik tab **Apl** > tab **Apl** > **QuickRemote**.
Anda juga boleh membuat persediaan awal QuickRemote anda dari Panel Pemberitahuan. Leretkan Bar Status ke bawah, ketik ikon **QuickRemote**, kemudian ketik **TAMBAH SECARA JAUH**.
- 2 Sentuh **Ruang tamu** untuk memilih jenis bilik dan sentuh **+** bagi menambah peranti.
- 3 Pilih jenis dan jenama peranti kemudian ikuti arahan pada skrin untuk mengkonfigurasi peranti.


NOTE: QuickRemote berfungsi dengan cara yang sama seperti alat kawalan jauh inframerah (IR) kawalan di rantau atau negara anda. Berhati-hati supaya tidak menutup sensor inframerah di bahagian atas tablet apabila anda menggunakan fungsi QuickRemote. Fungsi ini mungkin tidak disokong, bergantung pada model, pengilang atau syarikat perkhidmatan.

Menggunakan QuickRemote

- 1 Buka **QuickRemote**  dan pilih bilik di mana anda mengkonfigurasi kawalan jauh itu.
- 2 Pilih kawalan jauh yang anda mahu dengan mengetik jenis/namanya pada bar QuickRemote di sebelah kiri skrin.
- 3 Ketik butang di alat kawalan jauh yang dipaparkan.

NOTA: Apabila menambah alat kawalan jauh TV, QuickRemote boleh menggunakan butang INPUT bagi mengkonfigurasi kawalan jauh yang sesuai. Apabila mengkonfigurasi butang INPUT, sumber input TV boleh ditukar. Untuk menetapkan semula sumber input TV anda, ketik butang INPUT pada QuickRemote beberapa kali (bergantung kepada bilangan peranti yang bersambung ke TV).




Pilihan QuickRemote


Untuk mengakses menu pilihan QuickRemote, ketik **ikon Menu**  bagi memilih pilihan yang diinginkan.

NOTA: Semasa memainkan muzik di latar belakang, menekan mana-mana butang QuickRemote akan menyenyapkan bunyi selama sesaat.

Jam



Menetapkan penggera anda

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Jam**  > .
- 2 Tetapkan masa penggera yang dikehendaki.
- 3 Tetapkan **Ulang**, **Tempoh tunda**, **Bergetar apabila penggera berbunyi**, **Nada penggera**, **Volum penggera**, **Pemula aplikasi Auto**, **Kunci teka-teki** dan **Memo**.
- 4 Sentuh **Simpan**.



NOTA: Untuk menukar tetapan penggera dalam skrin senarai penggera, sentuh **ikon Menu**  dan pilih **Tetapan**.

Kalkulator

Menggunakan kalkulator anda

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Kalkulator** .
- 2 Sentuh kekunci nombor untuk memasukkan nombor.
- 3 Untuk pengiraan mudah, ketik fungsi yang anda kehendaki (**+**, **-**, **x** atau **÷**) diikuti dengan **=**.




NOTA:

- Untuk pengiraan yang lebih rumit, sentuh **ikon Menu** , pilih **Kalkulator saintifik**, kemudian pilih fungsi yang diinginkan.
- Untuk melihat sejarah pengiraan, ketik **ikon Menu**  > **Sejarah kira-kira**.

Kalendar


Acara dari setiap akaun yang anda tambahkan ke tablet anda dan dikonfigurasi untuk menyegerakan kalendar dipaparkan dalam Kalendar anda.

Menambah acara pada kalendar anda

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Kalendar** .
- 2 Ketik menu di sudut kiri atas untuk menukar pandangan kalendar (Hari, Minggu, Bulan, Tahun, Agenda).
- 3 Ketik pada tarikh yang anda ingin tambahkan acara dan ketik .
- 4 Sentuh medan **Nama acara** dan masukkan nama acara.
- 5 Sentuh medan **Lokasi** dan masukkan lokasi. Semak tarikh dan masukkan masa mula dan tamat acara.
- 6 Jika anda hendak menambah nota kepada acara anda, sentuh medan **Deskripsi** masukkan butirannya.
- 7 Jika anda ingin mengulang semula penggera, tetapkan **ULANG**, dan tetapkan **PERINGATAN**, jika perlu.
- 8 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan acara dalam kalendar.

NOTA: Sentuh dan tahan satu tempat pada kalendar untuk menyimpan acara kalendar dengan cepat pada tarikh itu. Hanya masukkan saja nama dan masa acara, kemudian ketik **Simpan**. Anda boleh ketik **Butiran** dan masukkan lebih banyak maklumat, atau kemas kini acara dengan butiran tambahan kemudian.

Untuk menukar pandangan kalendar anda

Tidak kira di mana saja anda berada dalam aplikasi Kalendar, anda boleh menukar pandangan kalendar dengan mudah. Hanya ketik  sudut atas kiri bar tajuk, atau pada sebelah kiri skrin leretkan jari anda dari kiri ke kanan untuk memaparkan menu pandangan kalendar. Ketik **Hari**, **Minggu**, **Bulan**, **Tahun**, atau **Agenda**.

Tugas

Aplikasi Tugas boleh disegerakkan dengan akaun MS Exchange anda. Anda boleh mencipta dan menguruskan tugas anda menggunakan tablet anda atau dari MS Outlook atau MS Office Outlook Web Access.

- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > **Tugas** .
- 2 Ketik ikon tugas **Tambah**  (di sudut atas kanan skrin).
- 3 **Masukkan Subjek, TARIKH MULA, TARIKH JATUH TEMPOH, DESKRIPSI, ULANG** dan **PERINGATAN** yang sewajarnya.
- 4 Ketik **Simpan**.

Pengurus fail

Aplikasi Pengurus fail membolehkan anda menguruskan fail di penyimpanan dalaman/luaran anda.








Pengurus fail memudahkan anda untuk melihat dan menguruskan fail anda. Hanya ketik jenis fail (Semua fail, fail Muzik, fail Imej, fail Video, fail Dokumen, atau fail Awan), kemudian ketik pada folder yang diperlukan untuk mencari fail anda.

Untuk membuka aplikasi Pengurus fail

- Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Pengurus fail** .

Pilihan Pengurus fail

Buka aplikasi **Pengurus fail** > **Semua fail** > **Storan dalaman** untuk mengakses pilihan berikut (di bahagian atas skrin):


	Membolehkan anda membuka Pengurus Fail dalam tettingkap QSlide.
	Membolehkan anda mencari fail anda atau maklumat.
	Membolehkan anda mencipta folder baharu.
	Membolehkan anda mengalihkan fail dan folder ke lokasi lain.
	Membolehkan anda menyalin fail dan folder ke lokasi lain.
	Membolehkan anda memadam fail dan folder.
	Membolehkan anda mengakses lebih banyak pilihan.

Perakam suara

Gunakan perakam suara untuk merakamkan memo suara atau fail audio yang lain.

Merakam bunyi atau suara



- Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Perakam suara** .



NOTA: Masa rakaman yang tersedia mungkin berbeza daripada masa rakaman sebenar.

Menguruskan memo Suara anda

Dari skrin senarai Perakam Suara:

- Ketik ikon **Kongsi**  untuk berkongsi memo suara menggunakan pilihan yang tersedia.
- Ketik ikon **Padam**  untuk memilih memo suara yang anda mahu padam.
- Sentuh dan tahan memo suara untuk membuka memo konteks untuk memilih **Kongsi**, **Padam**, **Namakan semula**, **Potong**, atau **Butiran**.



POLARIS Office 5

Polaris Office 5 adalah penyelesaian pejabat mudah alih profesional yang membolehkan pengguna melihat berbagai jenis dokumen office dengan mudah, termasuk fail Word, Excel dan PowerPoint di mana sahaja, pada bila-bila masa, menggunakan peranti mudah alih mereka.

Untuk mencipta dokumen baharu


- 1 Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **POLARIS Office 5** .
- 2 Daftarkan alamat e-mel anda di halaman Pendaftaran.

NOTA: Anda boleh mengetik **Langkau** bagi mengabaikan maklumat pendaftaran.

- 3 Ketik  bagi memulakan dokumen baru.
- 4 Ketik jenis dokumen dari senarai jatuh turun, kemudian pilih templat.
- 5 Masukkan kandungan ke dalam dokumen menggunakan alat di bahagian atas skrin dan papan kekunci pada skrin.
- 6 Setelah selesai menyiapkan dokumen itu, ketik  (di sudut atas kiri skrin), kemudian ketik **Simpan** (atau **Simpan sebagai** untuk memasukkan nama dokumen baharu) untuk menyimpan.
- 7 Masukkan nama dokumen dan sentuh **Simpan**.

Untuk melihat dan mengedit dokumen di peranti anda

Kini anda boleh melihat dan mengedit dengan mudah berbagai jenis fail, termasuk dokumen Microsoft Office dan Adobe PDF, terus dari peranti mudah alih anda.

- 1 Buka **POLARIS Office 5** dan cari dokumen.
- 2 Sentuh dokumen yang anda mahu lihat atau edit.
Apabila melihat dokumen menggunakan POLARIS Office 5, objek dan susun atur kekal sama seperti dokumen asal.
- 3 Untuk mengedit dokumen, ketik .

Google+

Gunakan aplikasi Google+ untuk kekal berhubung dengan orang melalui perkhidmatan rangkaian sosial Google.

Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Google**  > **Google+** .

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.


LG SmartWorld


LG SmartWorld menawarkan pelbagai kandungan menarik – fon, tema, permainan, aplikasi.

Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Tablet Anda

- 1 Ketik  > **Apl**  > tab **Apl** > ketik ikon  untuk mengakses SmartWorld.
- 2 Ketik **Daftar** dan masukkan ID/Kata Laluan untuk LG SmartWorld. Jika anda belum lagi mendaftar, ketik **Daftar** untuk mendapatkan keahlian LG SmartWorld.

- 3 Muat turun kandungan yang anda kehendaki.
- LG SmartWorld mungkin tidak disediakan untuk semua pembawa rangkaian atau di semua negara.

NOTA: Bagaimana jika tiada ikon  ?

- 1 Dengan menggunakan penyemak imbas mudah alih Web, akses LG SmartWorld (www.lgworld.com) dan pilih negara anda.
- 2 Muat turun Aplikasi LG SmartWorld.
- 3 Jalankan dan pasang fail yang dimuat turun.
- 4 Akses LG SmartWorld dengan mengetik ikon .









Manfaat istimewa hanya dalam LG SmartWorld

- 1 Hias tablet anda mengikut gaya anda yang tersendiri dengan tema Utama, tema papan kekunci, dan fon yang disediakan di LG SmartWorld. (Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini hanya tersedia untuk peranti tertentu. Sila semak laman web LG SmartWorld untuk menyemak ketersediaan).
- 2 Nikmati perkhidmatan istimewa LG SmartWorld dengan menyertai promosi yang disediakan secara konsisten.


Internet

Gunakan aplikasi ini untuk melayari Internet. Pelayar memberi anda dunia permainan, muzik, berita, sukan, hiburan, dan banyak lagi yang pantas dan penuh warna-warni, terus pada tablet anda, di mana sahaja anda berada dan apa sahaja yang anda minati.


Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Internet** .

	Ketik untuk menjalankan QSlide.
	Ketik untuk ke belakang satu halaman.
	Ketik untuk pergi ke hadapan satu halaman, ke halaman yang anda sambungkan selepas halaman semasa. Ini adalah berlawanan dengan apa yang berlaku apabila anda menyentuh Kekunci Kembali  , yang membawa anda ke halaman sebelumnya.
	Ketik bagi menyegar semula atau menghentikan halaman semasa.
	Ketik untuk pergi ke halaman Utama.
	Ketik untuk mengakses penanda buku.
	Sentuh untuk mengakses lebih banyak pilihan.



Membuka halaman

- Untuk membuka halaman baharu, ketik  di bahagian atas pelayar.
- Untuk pergi ke halaman web lain, ketik tab di bahagian atas skrin untuk melihat halaman.

Penanda Buku

Untuk membuka laman web yang bertanda, ketik  di bar alat pelayar dan pilih satu.


Sejarah

Ketik  di bar alat pelayar dan pilih tab **Sejarah** untuk membuka laman web dari senarai laman web yang baru dilawati. Untuk mengosongkan sejarah, ketik  > untuk memadam semua sejarah.

Menggunakan mod Pembaca



Tablet anda boleh memaparkan laman web yang diringkaskan untuk pembacaan yang lebih mudah.

Lihat berita atau siaran blog dan halaman artikel lain dengan mudah tanpa sebarang gangguan - dengan mod Pembaca, anda boleh membaca halaman yang tidak berselerak.

Ketik  di bar alamat web URL untuk mengaktifkan mod Pembaca.

Menggunakan QSlide

Gunakan ciri ini untuk mengakses Internet tanpa menutup aplikasi semasa.

Semasa melihat kandungan pelayar, ketik . Kemudian anda boleh menyemak imbas maklumat lain di tablet. Untuk melihat pelayar dalam skrin penuh, ketik .

Fail muat turun

Gunakan aplikasi Muat turun untuk melihat fail apa yang telah dimuat turun.

Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **MUAT TURUN** .


Chrome

Gunakan Chrome untuk mencari maklumat dan melayari laman web.


Dari skrin Utama, ketik **Apl**  > tab **Apl** > **Chrome** .

